


MENJULANG KEUSAHAWANAN | LAPORAN TAHUNAN


2010





UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN






“Negara sedang melalui satu proses transformasi daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi pada ketika ini. Ini adalah sejajar dengan hasrat YAB. Perdana Menteri semasa memperkenalkan Model Baru Ekonomi yang menekankan kepada pembangunan model intelektual yang mempunyai daya inovasi yang tinggi...”

LG
173
K45
ESS
2010
untk.

- YB. Dato' Sri Mohamed Khaled bin Nordin
Menteri Pengajian Tinggi



VISI, MISI DAN OBJEKTIF UNIVERSITI

VISI, MISI DAN OBJEKTIF UNIVERSITI

VISI

Peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global. (Championing human capital development with entrepreneurial qualities for global prosperity).

MISI

UMK menyediakan;

- program akademik berkualiti dan relevan,
- penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi,
- perkhidmatan yang memenuhi tanggungjawab sosial,

yang mampu meningkatkan daya saing dalam keusahawanan;


UMK sentiasa mengutamakan keperluan pelanggan dan memenuhi kehendak pasaran dengan menyediakan persekitaran kondusif;


dan

warga UMK berpengetahuan, berkemahiran dan komited mengamalkan budaya kerja profesional, mengurus secara partisipatif serta melaksanakan penambahbaikan berterusan.

OBJEKTIF


- Menyediakan kursus pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada penghayatan ciri-ciri keusahawanan dan pembangunan insaniah merentasi kurikulum;
- Membangun modal insan berkualiti yang menyumbang dengan efektif kepada pembangunan negara dan dimanfaatkan oleh masyarakat;
- Membangun keupayaan staf dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat (PSH), kepimpinan dan pengurusan;
- Membangun kapasiti dan keupayaan perusahaan kecil & sederhana (PKS) bagi meningkatkan daya saing dalam penjanaankekayaan negara;
- Menyediakan infrastruktur dan sistem sokongan yang kondusif sebagai asas kepada pembangunan Universiti bertaraf dunia;
- Melaksanakan aktiviti pembangunan wilayah sejajar dengan rancangan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER);
- Mengamalkan sistem Iadbir urus dan pengurusan kewangan yang efektif serta berintegriti tinggi.






“I believe that the sharing of wisdom and real life experiences could help exert effective motivation and drive amongst the younger generation to evoke the spirit of entrepreneurship whilst embracing the recipe to succeed in the corporate and business world...”

- Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah Che Othman
Chairman of The Board of Directors
University Malaysia Kelantan



STRATEGI TERAS PEMBANGUNAN UNIVERSITI

STRATEGI TERAS PEMBANGUNAN UNIVERSITI



Lima (5) strategi teras dipilih dengan tujuan membangunkan keupayaan dan kemampuan Universiti bagi menyokong perlumbuhan:

Teras 1

Membangun dan mengantarabangsakan program pengajian serta aktiviti akademik Universiti untuk melahirkan modal insan berkualiti.

Teras 2

Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti.

Teras 3

Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan Universiti ber taraf dunia.

Teras 4

Mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang manlap.

Teras 5

Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri.



NILAI TERAS ORGANISASI

Selari warga UMK yang terdiri daripada pelajar dan staf mendokong teras nilai yang sama bagi membentuk satu identiti Universiti. Tiga teras nilai utama UMK adalah kreatif dan inovatif, kesediaan untuk membuat dan menerima perubahan, dan bersikap profesional dalam segala tindakan.

KREATIF DAN INOVATIF

Sentiasa mempertingkatkan kualiti kerja dengan menambah baik prosedur kerja dan memberi perhatian kepada amalan terbaik supaya penyampaian lebih efektif, lebih pantas (efisien) dan menambah kepuasan kepada pengguna. Memperkenalkan produk, kaedah atau pendekatan baru dalam penawaran perkhidmatan pendidikan keusahawanan dengan mengambil kira penyesuaian kepada perubahan persekitaran.

Menggunakan kreativiti bagi menyelesaikan masalah yang rumit walaupun dengan sumber terhad tetapi kehendak pengguna dapat dipenuhi seperti yang diharapkan. Bersedia meneroka kepelbagaian kemungkinan dengan memperkenalkan idea baru dan unik bagi mencipta peluang-peluang baru.


KESEDIAAN UNTUK MEMBUAT DAN MENERIMA PERUBAHAN

Sedia mempelajari dan meneroka ilmu baru untuk meningkatkan keupayaan diri semasa melaksanakan tanggungjawab. Mengambil sikap positif terhadap teguran yang membina sebagai proses pemantapan hasil kerja. Sikap keterbukaan ini membentuk individu yang fleksibel, serba boleh, berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri yang tinggi. Seterusnya bersedia menyesuaikan diri mengikut kehendak perubahan persekitaran kerja dan tanggungjawab.

PROFESIONAL


Berpengetahuan luas, berkemahiran dan kompeten dalam bidang kepakaran atau tanggungjawab. Mengutamakan pelaksanaan tanggungjawab dengan memainkan peranan secara efisien dan efektif mengikut disiplin tugas dan etika bidang kepakaran. Warga Universiti sentiasa memberi penekanan kepada pencapaian Visi UMK dengan mengamalkan sikap mesra dan endah, berintegriti, partisipatif, jujur dan amanah, bertanggungjawab dan komited, dan bersyukur dan redha. Bersedia untuk memimpin dan memberikan kerjasama serta sokongan apabila dipimpin semasa melaksanakan tugas untuk Universiti. Warga Universiti sentiasa mementingkan fakta dan tidak dipengaruhi oleh emosi.

RASIONAL KULIT




Tema Menjulang Keusahawanan membawa erti UMK sebagai sebuah Universiti yang sentiasa meletakkan pendidikan keusahawanan pada tahap tertinggi dalam pembangunan negara.

ISI KANDUNGAN




13	SEJARAH RINGKAS UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
19	LAPORAN NAIB CANSELOR
35	LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI
41	PEGAWAI UTAMA DAN SENAT UNIVERSITI
49	GOVERNANS DAN KEPIMPINAN
73	AKADEMIA
85	PROGRAM PENGAJIAN, ENROLMENT DAN PENYAMPAIAN
117	PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN, PERUNDINGAN DAN PENERBITAN
141	PENGANTARABANGSAAN
157	HUBUNGAN INDUSTRI UNIVERSITI
169	PUSAT KECEMERLANGAN
179	PEMBANGUNAN PELAJAR
199	PEMBUDAYAAN NILAI KEUSAHAWANAN
211	PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT
219	PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS
231	PERISTIWA 2010
255	LAPORAN KEWANGAN



“Entrepreneurship is a process in the creation of a new generation of human capital with a set of desired mindset, values and qualities where creative and innovative approaches hinge on transformational leadership to value add the governance system, societal networking for national and regional development, professional development and wealth creation.”

- Prof. Dato' Ir. Dr Zainai bin Mohamed
Vice Chancellor
Universiti Malaysia Kelantan



SEJARAH RINGKAS UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

PENUBUHAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN


PERTUMBUHAN UNIVERSITI

LOGO UNIVERSITI

LAGU UNIVERSITI

PERALATAN ISTIADAT DAN LAMBANG KUASA UNIVERSITI

SEJARAH RINGKAS UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN



PENUBUHAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN


Penubuhan sebuah Universiti di Negeri Kelantan telah dijadikan sebagai salah satu komponen dalam Rancangan Malaysia Ke-9 bagi menyokong pembangunan modal insan berkualiti dalam sektor pendidikan tinggi Negara.

YAB Perdana Menteri Malaysia kelima telah mengumumkan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti di Kelantan dalam pembentangan RMKe-9 pada 31 Mac 2006.

Penubuhan Universiti ini telah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Kabinet pada 14 Jun 2006.

Jemaah Menteri juga telah menetapkan supaya falsafah kurikulum pengajian di UMK berteraskan kepada pendidikan keusahawanan dan enterpis (entrepreneurship education and enterprises) dalam semua program pengajian. Oleh itu frasa rangsangan seperti Entrepreneurship is Our Thrust dan Entrepreneurial University digunakan dengan meluas. Pengkhususan pengajian untuk pembangunan jangka masa pendek dan sederhana dikelompokkan kepada tiga bidang pengajian iaitu:

- 1) Keusahawanan dan Perniagaan;
- 2) Teknologi Kreatif dan Warisan; dan
- 3) Agro Industri dan Sains Sumber Asli.



Pada masa yang sama penekanan diberi kepada kemahiran bahasa dan kemahiran insaniah. Semua program pengajian bertujuan untuk melahirkan modal insan negara yang berkualiti tinggi (dengan mindai kelas pertama) lengkap dengan ciri-ciri keusahawanan. Oleh itu, semua bidang pengajian dilengkapkan dengan asas keusahawanan atau pendidikan keusahawanan. Modal insan yang dihasilkan dimanfaatkan untuk kesejahteraan global dengan memberi perhatian kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (capability and capacity building of SME) serta menyumbang kepada pembangunan masyarakat perdagangan yang bercirikan keusahawanan tinggi. Dalam semua pelaksanaan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) diguna sebagai pengupaya (ICT as an enabler).

Penubuhan Universiti ini tercatat dalam sejarah perundungan Negara setelah diwartakan pada 7 Disember 2006, P.U. (A) 415 sebagai sebuah Universiti dengan nama dan gelaran "Universiti Malaysia Kelantan" berkuatkuasa pada 1 September 2006. Universiti mula beroperasi pada Julai 2007 apabila pelajar angkatan pertama mendaftar.

Universiti Malaysia Kelantan akan terus dibangun untuk memenuhi kehendak perintah pemerbadanan iaitu:

"Maka hendaklah dilubuhkan suatu institusi pengajian tinggi yang mempunyai taraf Universiti, sebagai suatu pertubuhan perbadanan, bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang industri kecil dan sederhana, keusahawanan, perbankan, kewangan dan perniagaan Islam, bioteknologi, agrobioteknologi, biokimia, bioinformatik, seni dan rekabentuk kreatif, pengajian bahasa seperti bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Perancis, bahasa Mandarin dan lain-lain, industri berasaskan pertanian, sumber asli dan industri pembuatan, dan bidang pengajian lain yang perlu, serta juga mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan, dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu." – Warta Kerajaan PU. (A) 415/2006.

Naib Canselor pertama Universiti Malaysia Kelantan ialah Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai bin Mohamed dilantik pada 1 Oktober 2006.

PERTUMBUHAN UNIVERSITI

Kampus Sementara Universiti Malaysia Kelantan di Taman Bendahara beroperasi dengan rasminya pada 1 Julai 2007 apabila pelajar sulung UMK seramai 298 orang mendaftar. Pada tahun kedua operasi iaitu mulai Julai 2008, Universiti telah berjaya mendaftar seramai 332 orang pelajar baharu dan pada Julai 2009, seramai 634 pelajar lagi telah mendaftar di Universiti. Pada Julai 2010, seramai 622 pelajar baharu telah mendaftar.

Pada Julai 2010, Universiti menawarkan 14 program pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana Muda melalui empat fakulti, iaitu Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP), Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), dan yang terbaru Fakulti Perubatan Veterinar (FPV). Tiga program baru telah mendapat kelulusan untuk mula ditawarkan mulai Sesi 2011/2012.

LOGO UNIVERSITI

Universiti telah memperkenalkan logo pada 16 Mac 2008. Logo merupakan simbol kuasa bagi mencerminkan imej Universiti. Reka bentuknya yang dinamik melambangkan ciri keusahawanan, pemikiran terbuka dan merentasi batasan masa.

Ringkasnya, logo Universiti mempunyai peranan yang signifikan dalam usaha menegaskan kewujudan Universiti Malaysia Kelantan, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang berteraskan pendidikan keusahawanan dan penting di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) khususnya, dan Malaysia amnya.

LAGU UNIVERSITI

Lagu 'Terbilang UMK' telah diperkenalkan pada 8 Jun 2008, dicipta oleh En. Ariffin bin Pawanchik dan liriknya ditulis oleh En. Marwan bin Ismail. Lagu ini memberikan pengertian dan menggambarkan UMK mempunyai peranan penting sebagai gedung ilmu dan pembangunan modal insan bagi menghasilkan ilmuan, cendekianwan, kesarjanaan dan pekerja mahir untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara serta pemeliharaan warisan budaya dan sumber asli.

TERBILANG UMK

BIRU, JINGGA & MERAH WARNANYA
SEMANGAT SUMPAH SETIA
INOVATIF, INTEGRITI
ILMU DITEROKAI

WARISAN BUDAYA SUMBER ASLI
KEUSAHAWANAN TERAS KAMI
KEKAYAAN AKAL & BUDI
MENDIDIK INSAN YANG SEJATI

MERINTIS PERUBAHAN TERKINI
DEMI-MU YANG MAHA PENCIPTA
MEREALISASI VISI MENJADI REALITI
DEMI NEGARA YANG TERCINTA

RELEVAN, UNIK & BERBEZA
PENJANA PERADABAN BANGSA
JANJI KAMI PADA SEMUA
TABURI JASA DI MANA JUA
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
TERBILANG UMK

Gubahan Lagu : Ariffin Pawanchik
Lirik : Marwan Ismail




PERALATAN ISTIADAT DAN LAMBANG KUASA UNIVERSITI

Universiti telah memperkenalkan peralatan istiadat secara rasminya pada 10 Ogos 2008 bersempena Majlis Istiadat Pemashyuran Tuanku Canselor Universiti Malaysia Kelantan. Peralatan istiadat tersebut adalah:

- a. Jubah bagi Canselor, Menteri, Pengurus dan Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Ahli Senat, Ahli Akademik dan Pengurusan.
- b. Cokmar, meja cokmar dan kerusi Canselor.






“When the reason for wanting success became clearer, obstacles got easier to overcome. I always wondered if I would ever get the chance to see the light at the end of the tunnel, after the re-branding exercise and I found my reason to succeed, I actually saw the light.”

- Y.M Tengku Rozidar binti Tengku Zainal Abidin
CEO, Nineteen O One Sdn. Bhd. (1901 Hot Dogs)

14 February 2009

Universiti Malaysia Kelantan Action Group for
Entrepreneurship Council
(UMK AGE Council)



LAPORAN NAIB CANSELOR

PENGENALAN

PEMBANGUNAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN YANG KONDUSIF


PENGURUSAN AKADEMIK

PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR

PENGURUSAN ORGANISASI

KESIMPULAN

LAPORAN NAIB CANSELOR



Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan

PENGENALAN

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum wrt wbt, salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mencapai usia operasi tiga tahun pada Julai 2010. Berpegang kepada slogan "Universiti Keusahawanan" atau "Entrepreneurial University", UMK dijangka akan terus menggalas tanggungjawab berat dalam memainkan peranan penting untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) amnya, dan terutama pelajar UMK khususnya.

Dengan hala tuju ke arah visi UMK untuk menjadi peneraju pembangunan modal insan yang cemerlang bercirikan keusahawanan, UMK komited menyediakan program akademik yang berkualiti dan relevan, penyelidikan berinovasi tinggi serta memenuhi tanggungjawab kepada sosial dan masyarakat melalui :


- i) penyediaan program pengajian dan latihan yang menekankan aspek keusahawanan;
- ii) pembangunan modal insan berkualiti yang menyumbang dengan efektif kepada pembangunan negara;
- iii) pembangunan keupayaan staf dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat (PSH), kepimpinan dan pengurusan;
- iv) pembangunan kapasiti dan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi menjanakekayaan negara;
- v) penyediaan infrastruktur dan sistem sokongan yang kondusif sebagai asas kepada pembangunan Universiti bertaraf dunia;
- vi) menyokong pelaksanaan aktiviti pembangunan wilayah ekonomi pantai timur (ECER); dan
- vii) mengamalkan pengurusan kewangan dan sistem tadbir urus yang efektif serta berintegriti tinggi.



PEMBANGUNAN EKOSISTEM KEUSAHAWANAN YANG KONDUSIF

PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN


Pembudayaan keusahawanan adalah usaha menyeluruh UMK dalam semua aspek tindakan bagi mewujudkan budaya dan ekosistem keusahawanan yang berpaksikan Enterprise UMK™. Rajah 1 menunjukkan Model Eko-Keusahawanan Universiti yang berteraskan Enterprise UMK™.



Rajah 1

Dalam model ini, faktor kejayaan kritikal ialah penglibatan oleh tiga kelompok utama iaitu pelajar, staf dan pengurusan Universiti.

Selain daripada penubuhan Koperasi UMK Berhad dan anak syarikat UMK, UKSB Venture Sdn. Bhd., beberapa program keusahawanan berimpak tinggi telah dilaksana untuk dimanfaatkan oleh pelajar, staf dan seterusnya masyarakat sejajar dengan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT. Tahun ini, UMK menjadi tuan rumah bagi Majlis Konvensyen dan Karnival Keusahawanan Siswa (KARNIAWAN) IPT awam peringkat kebangsaan yang dirasmikan oleh Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan pada majlis tersebut, beliau menegaskan bahawa pendidikan keusahawanan yang terancang dan holistik mampu melahirkan modal insan yang berdaya saing sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi Negara.



Antara program pendidikan keusahawanan lain yang dilaksanakan adalah Seminar Keusahawanan Industri Kreatif dan Warisan (KIKW) dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan, Dialog Usahawan bersama Timbalan Menteri (Industri), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Konvensyen Keusahawanan ECER-KPT yang disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Kesemua program berstruktur pendidikan keusahawanan ini bertujuan untuk mempergiatkan pembudayaan keusahawanan dalam pelbagai sektor khususnya di wilayah ekonomi pantai timur (ECER). Penglibatan menyeluruh oleh warga Universiti sebagai platform untuk ahli akademik, pelajar dan pihak industri bertemu dan berbincang bagi tujuan meningkatkan kerjasama dalam bidang yang relevan, ke arah memperkuuhkan prestasi perusahaan atau bidang masing-masing seterusnya meningkatkan pembudayaan keusahawanan. Penyelarasaran program pembudayaan keusahawanan ini telah dipertanggungjawabkan kepada Pusat Pendidikan Keusahawanan & Enterprais (Centre for Entrepreneurship, Education & Enterprise , C3E) yang mula beroperasi pada tahun 2010.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL UNIVERSITI (USR)


Modal insan yang cemerlang bermula dari kalangan masyarakat, daripada peringkat sekolah ke peringkat universiti. Warga Universiti seterusnya memberikan semula perkhidmatan mereka kepada masyarakat. Begitulah kitaran tanggungjawab sosial setiap lapisan masyarakat dan dalam usaha untuk memasyarakalkan Universiti, pihak UMK melaksanakan pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan masyarakat demi untuk meningkatkan kesedaran kepada setiap individu tentang kepentingan ilmu sebagai kaedah untuk peningkatan taraf hidup kepada yang lebih baik.

Pada awal tahun 2010, UMK telah membuat komitmen awal kepada masyarakat melalui penganjuran program "Satu Program Satu Daerah (1P1D)" dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan iaitu usahasama antara institusi pendidikan di Kelantan khususnya tidak mengira tahap pengajian sebagai input pemangkin kecemerlangan pendidikan di Malaysia bagi mencapai matlamat kerajaan dalam membangunkan modal insan yang holistik dan berkualiti. Program 1P1D telah melibatkan pelajar sekolah, ibu bapa, guru dan staf sekolah dengan meletakkan pendidikan sebagai agenda memastabatkan modal insan dan telah berjaya memberi impak positif kepada perubahan minda. Program berjalan sepanjang tahun 2010.

Sebanyak 10 program di 10 buah daerah telah dijalankan yang antara objektifnya adalah untuk mewujudkan jalinan kerjasama yang menyeluruh antara institusi pendidikan di semua tahap meliputi keseluruhan pelusuk negeri Kelantan melalui Jabatan Pelajaran Daerah bagi memberi pendedahan tentang kepentingan ilmu untuk meningkatkan potensi penggunaan teknologi terkini dalam menjana ekonomi setempat. Program kemasyarakatan seumpama ini diharapkan akan terus dapat menanamkan minat pelajar dan masyarakat setempat terhadap perkongsian ilmu serta membimbing pelajar, ibubapa dan masyarakat dalam usaha untuk memajukan diri.



Aktiviti perkongsian sumber sama ada dalam bentuk ilmu pengetahuan, kebendaan mahupun tenaga oleh warga UMK diteruskan dan tidak terhad kepada masyarakat setempat, tetapi turut dikongsi bersama masyarakat antarabangsa apabila Universiti buat kali kedua (ke-2) telah menganjurkan Misi Kemanusiaan Antarabangsa ke Padang, Indonesia. Seramai 56 orang sukarelawan (staf dan pelajar UMK) berkerjasama dengan 30 sukarelawan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) dan Politeknik Negeri Padang (PNP) telah menabur bakti di dua buah kampung yang pernah dilanda musibah gempa bumi dengan aktiviti pembinaan rumah orang tua, pemberian sekolah, penyelidikan sosio ekonomi setempat, pendidikan kanak-kanak dan perkhidmatan kesihatan. Selain itu pada tahun 2010, UMK telah menjadi tuan rumah kepada program Social Enterprise for Economic Development (SEED). Seramai 18 orang pelajar antarabangsa dari 5 buah Negara iaitu Switzerland, Singapura, Vietnam, Thailand dan Brunei telah menjayakan program bersama 48 orang pelajar UMK di Daerah Tumpat, Kelantan.



PROGRAM PENGANTARABANGSAAN

Sebagai usaha menyokong jenama Malaysia sebagai hub pendidikan tinggi serantau, UMK telah mengorak beberapa langkah strategik sepanjang tahun 2010 bagi memperkenal dan memperkuuhkan jenama Universiti Malaysia Kelantan di persada antarabangsa. Kehadiran lima orang angkasawan dunia dari Amerika Syarikat, Rusia dan Jerman ke negeri Kelantan bersempena siri program "Campus Space Walk" telah memilih UMK sebagai salah satu tempat untuk mempromosi dan memberi inspirasi melalui pendidikan dan teknologi aeroangkasa kepada generasi muda khususnya pelajar IPT.

Dalam tahun ini, kali pertama dua orang pelajar UMK telah mengikuti program mobiliti ke luar negara bagi tempoh dua bulan sewaktu cuti akhir semester untuk mengikuti pengajian di Universiti Bengkulu, Indonesia seperti yang dinyatakan. Universiti juga telah menganjurkan bengkel 'Social Enterprise for Economic Development (SEED)' yang turut disertai oleh 18 orang pelajar antarabangsa berada di kampus.

Manakala, penubuhan Regional Network on Poverty Eradication (RENPER) iaitu satu jaringan kerjasama bijak peringkat antarabangsa yang telah dipelopori oleh UMK bersama rakan IPT dari Indonesia, Cambodia, Thailand, China, Bangladesh, Myanmar, Vietnam dan Iraq bertujuan sebagai satu badan untuk perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam aspek pembasmian kemiskinan ke arah usaha penjanaan ekonomi dan meningkatkan taraf hidup di rantau Asia ini khususnya. RENPER ini telah dilancarkan oleh Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia di Gua Musang sebagai salah satu kawasan fokus sasaran untuk pembasmian kemiskinan.

Program perkongsian pembelajaran melalui amalan terbaik juga diteruskan. Asean Learning Network Council (ALNC) yang telah dipelopori oleh UMK bersama IPT dari Indonesia, Filipina, Vietnam, Brunei, Thailand dan Switzerland terus bertemu dan merancang program bersama terutamanya tentang program kemasyarakatan.

Kewujudan UMK sebagai IPTA di negeri Kelantan ini telah mula diiktiraf oleh masyarakat setempat mahu pun luar negara. Ini dilihat apabila Universiti telah mula menawarkan pengajian peringkat pasca siswazah kepada empat orang pelajar antarabangsa yang layak serta peningkatan yang ketara dikalangan staf akademik antarabangsa. Program akhir tahun Universiti yang kali pertama diperkenalkan pada tahun 2010 ini, 'U-Asisst Networking' iaitu program seminar perkongsian pengalaman pentadbiran dikalangan staf bukan akademik juga mendapat sambutan yang menggalakkan apabila telah turut dihadiri oleh staf dari IPT luar negara seperti Indonesia, Thailand dan Brunei selain rakan IPT tempatan seperti UTM, UTHM, UniSZA dan UMP. Pada tahun 2010 juga mencatatkan rekod penerimaan tamu antarabangsa yang membanggakan. UMK telah dikunjungi oleh pelawat dari pelbagai negara seperti Switzerland, Amerika Syarikat, Iraq, Rusia, Yemen, Australia dan Jerman.

PENGURUSAN AKADEMIK


PENAWARAN PROGRAM PENGAJIAN

UMK terus berusaha untuk memperluaskan penerokaan ilmu dalam bidang pengajian yang menjadi 'niche area' dan selarasnya melebarkan akses pengajian tinggi kepada masyarakat. Sehubungan itu, pada tahun 2010, tiga program baru peringkat Sarjana Muda telah diluluskan serta pertambahan dua bidang pengajian peringkat pasca siswazah mula ditawarkan. Pengambilan bagi program baru prasiswazah terpaksa ditangguhkan ke sesi akademik 2011/2012 disebabkan kekangan kemudahan asrama serta ruang pembelajaran di Kampus UMK Taman Bendahara. Walau bagaimanapun, 14 program pengajian terus mengambil pelajar baru pada tahun 2010.



MEMACU KECEMERLANGAN UNIVERSITI

Di sepanjang tahun 2010, Universiti telah memberi fokus untuk memantap dan meningkatkan usaha kecemerlangan akademik dalam aspek penerbitan, penyelidikan, perundingan, penyertaan dalam pameran penyelidikan, jaringan kerjasama antara institusi/agensi dari dalam dan luar negara serta perkhidmatan kepada masyarakat. Semua ini merupakan pengupaya kepada pencapaian sebuah Universiti Keusahawanan (An Entrepreneurial University).



PEMANTAPAN KUALITI AKADEMIK DAN KEUSAHAWANAN


Program Sokongan Pembelajaran (PSP) terus diperlengkatkan bagi memastikan perkhidmatan pengajaran dan pendidikan keusahawanan yang menjadi teras Universiti dapat disampaikan kepada semua pelajar UMK. Antara program yang dilaksanakan ialah Chairman Lecture Series (CLS), Enterprise Saturday, SME-University Internship, National Internship Challenge. Program sokongan pengajaran kepada staf akademik UMK melalui Case Study Workshop oleh Profesor Winter Nie dari International Institute for Management (IMD), Switzerland juga telah diadakan pada tahun 2010.

Pihak Universiti akur terhadap pematuhan kod kualiti akademik oleh institusi pengajian tinggi (IPT) bagi memastikan mutu dan kecemerlangan akademik sentiasa menjadi keulamaan. Buat kali pertamanya, Universiti telah melalui proses audit organisasi IPT oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA) serta lawatan semakan keserakahan ('peer review') oleh Pejabat Pengurusan Program (PMO) Kementerian Pengajian Tinggi di sepanjang tahun 2010.

Kualiti program pengajian UMK juga diperkuuhkan lagi dengan memperbanyakkan input industri dalam pengajaran dan pembelajaran melalui pensyarah jemputan dari kalangan industri, lawatan dan sangkutan jangka masa singkat di industri sebagai tambahan kepada kurikulum latihan industri sedia ada. Universiti mensasarkan 10% input dalam pengajaran adalah dari industri. Kepentingan input industri ini terus direalisasikan melalui penubuhan Majlis Kumpulan Bertindak untuk Keusahawanan (Action Group for Entrepreneurship Council, AGE) yang dianggotai oleh 20 orang ketua/pengarah syarikat dari industri yang berkaitan dengan bidang pengajian Universiti.

Setiap Fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PT) akademik juga telah menganjurkan beberapa program dan aktiviti akademik masing-masing untuk memberi pengalaman pembelajaran diluar bilik kuliah kepada pelajar dan staf sebagai saluran untuk memperkembang dan mempraktikkan ilmu pengetahuan. Antara program yang dianjurkan dan telah memberikan nilai tambah yang signifikan dalam pendidikan keusahawanan merentasi pelbagai bidang pengajian adalah Pertandingan Pelan Perniagaan (BPC), Seminar Kebangsaan Sumber Asli (NCNR), Pameran Karya Seni Visual, Konvensyen Keusahawanan ECER-KPT 2010 serta Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan (NCEEE).

Penulisan dan penerbitan buku ilmiah terutama dikalangan staf akademik Universiti juga meningkat kepada lima (5) buah pada tahun ini yang dua (2) antaranya dilancarkan sempena sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia UNESCO peringkat Universiti Malaysia Kelantan bertajuk Contemporary Readings on Entrepreneurship and Small Business Management dan Conserving Lojing Highlands for Sustainable Development. Disepanjang tahun 2010, sebanyak 65 kertas kerja akademik telah dibentang di tiga (3) seminar/persidangan yang dianjurkan oleh Universiti serta persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penulisan akademik mengikut jenis bahan adalah 47 penulisan bab dalam buku, lima (5) monograf dan lapan (8) artikel dalam jurnal telah diterbitkan. Beberapa penerbitan popular Universiti dan Fakulti masih diteruskan secara berkala sebagai medium hebahan dan promosi Universiti kepada masyarakat umum dari semasa ke semasa.




PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN

Sepanjang tahun 2010, aktiviti penyelidikan Universiti dan yang berkaitan dipergiatkan lagi. Terdapat pertambahan yang ketara pada bilangan geran yang diperoleh di bawah peruntukan Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) iaitu sebanyak 13 geran. Manakala 14 geran jangka pendek (SGJP) UMK telah diluluskan yang menggunakan sumber tabung dalaman. Bagi menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan ini, Universiti mewujudkan skim Pegawai Penyelidik (RO), Pembantu Penyelidik (RA), Pembantu Siswazah Penyelidikan (GRA), Pembantu Siswazah Pengajaran (GTA) dan Enumerator sebagai inisiatif untuk menggalakkan budaya penyelidikan dikalangan pelajar pasca mahu pun prasiswazah.

Buat kali pertamanya, Universiti terlibat dan mengambil bahagian dalam projek perundingan berdasarkan sumber kepakaran Universiti yang ada. Pada tahun ini sejumlah lebih RM850,000.00 dana perundingan telah diperoleh. Sebahagian besar dana perundingan ini adalah melalui kerjasama yang telah dimeterai antara Universiti dengan beberapa agensi yang berkepentingan dalam pembangunan bidang dan kawasan tumpuan utama UMK seperti Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Lembaga Kenaf Tembakau Negara (LKTN) khususnya dalam bidang agro industri.

Penglibatan UMK dalam pameran penyelidikan pada tahun 2010 juga meningkat kepada 13 penyertaan dan kali pertama juga penyelidik Universiti telah memenangi satu (1) pingat emas di pameran BioMalaysia 2010 melalui kategori produk agro industri dan sumber asli. Pencapaian inovasi yang membanggakan UMK pada tahun ini ialah di International Inovation & Technology Exhibition 2010 (ITEX'10), membuktikan pencapaian konsisten penyelidik UMK, apabila memenangi dua (2) pingat emas melalui hasil penyelidikan berdasarkan sumber asli selain beberapa pingat lain yang turut dimenangi dalam bidang teknologi kreatif. ITEX adalah merupakan salah satu medan mempamerkan inovasi dan reka cipta antarabangsa yang disertai oleh penyelidik dari UMK serta IPT lain, institusi penyelidikan awam dan sektor swasta dari ASEAN, negara Asia dan Eropah.

Kejayaan dan pengiktirafan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta perundingan menjadi pengupaya kepada kecemerlangan sesebuah IPT terutama kepada UMK sebagai sebuah universiti dalam kategori universiti baru. Aktiviti R&D menjadi pemangkin kepada penghasilan inovasi dan harta intelek, serta penciptaan dan penerokaan ilmu baru untuk pembangunan modal insan yang kreatif dan berdaya saing dan seterusnya meningkatkan keupayaan negara dalam penjanaan ekonomi. Selain tanggungjawab pengajaran dan pembelajaran, tugas menyelidik dan menulis adalah antara bidang tugas utama staf akademik di IPT dan menjadi ukuran dalam peningkatan dan pengembangan kerjaya sebagai warga pendidik di institusi pengajian tinggi.



PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR

HAL EHWAL PELAJAR

Bagi membentuk kecemerlangan pelajar, aspek akademik dan kurikulum haruslah seimbang dan saling melengkapi antara satu sama lain. Sehubungan itu, pada tahun ini Universiti telah membuktikan komitmen terhadap usaha untuk melengkap dan memantapkan perkhidmatan dan kebaikan kepada pelajar yang merupakan pelanggan utama universiti dengan penyediaan kemudahan gimnasium, studio kebudayaan dan dewan serbaguna. Semua kemudahan ini bertujuan untuk menyediakan suatu persekitaran kampus yang kondusif yang dapat mengeksplorasi bakat pelajar ke suatu tahap yang lebih membanggakan.

Sebagai sebuah Universiti Keusahawanan, penglibatan pelajar dalam program dan aktiviti keusahawanan khususnya sentiasa diberi tumpuan dan menjadi aktiviti tumpuan selain daripada kurikulum lain. Sehubungan itu, pihak Universiti telah menganjurkan Majlis Sanggar Keusahawanan di mana pihak Universiti telah membuat pengiktirafan kepada pelajar tahun akhir UMK yang telah terlibat dengan aktif dan cemerlang dalam sebarang program keusahawanan yang diceburi. Antara anugerah yang diberi adalah Pemenang Pertandingan Rancangan Perniagaan, Tokoh Usahawan Niaga, Tokoh Usahawan Korporat dan Tokoh Usahawan Sosial.

Sepanjang tahun 2010, sebanyak 130 program dan aktiviti pelajar telah dilaksanakan. Penglibatan pelajar adalah tertinggi untuk kategori keusahawanan iaitu 34.9%. Kategori lain adalah kepimpinan (28.8%), sukan dan rekreasi (20.3%), kesukarelawanan (11.6%) dan kebudayaan (4.4%). Pada tahun ini, pelbagai pencapaian membanggakan pelajar Universiti telah direkodkan, antaranya pelajar UMK terpilih di peringkat antarabangsa untuk terlibat dengan Program in U.S. Institute (SUSI) for Student Leader on Global Environmental Issues di Hawaii & Washington D.C A.S. melalui pertandingan penulisan berkaitan "Isu Persekutaran Global". Seorang pelajar UMK juga telah terpilih untuk menyertai kursus jangka pendek perniagaan antarabangsa di Universiti Burapha, Thailand anjuran Sekretariat University Mobility in Asia and the Pacific (JMAP).

PENGURUSAN ORGANISASI

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA


Tahun 2010, Universiti bermula dengan transformasi penting dalam usaha untuk meningkatkan kompetensi sumber manusia apabila pihak pengurusan membuat pertukaran staf seramai 13 orang dari Kumpulan Pengurusan & Profesional merentasi pelbagai jabatan dan fakulti. Pertukaran ini, buat kali pertamanya sebagai langkah persediaan Universiti untuk menyediakan staf terutama dari kumpulan pengurusan dengan segala kemahiran dalam aspek pengurusan kewangan, pengurusan akademik dan tadbir urus organisasi, memandangkan pada tahun 2011 Universiti dijangka akan mula beroperasi di dua buah kampus baharu, iaitu di Bachok dan Jeli, di samping kampus sedia ada di Pengkalan Chepa. Semestinya, sumber tenaga kerja yang ada terutama dari kumpulan pentadbir muda perlu dilatih agar dapat melaksanakan fungsi dan tanggungjawab dengan cekap, efektif dan berintegriti.

Sebagai usaha meletakkan asas yang kukuh dalam pembangunan sebuah Universiti, pemerksaan staf akademik dijadikan agenda utama dan bagi mengimbangi nisbah bilangan pelajar pada Sesi Akademik 2010/2011, Universiti telah melantik staf akademik dengan jumlah yang agak setara di kalangan tenaga akademik senior dan junior, serta peningkatan yang ketara dalam kuota penawaran cuti belajar kepada staf akademik. Secara keseluruhan pada tahun 2010, Universiti telah meningkatkan lantikan staf akademik dan staf bukan akademik masing-masing sebanyak 30.3% dan 17.5% berbanding pada tahun 2009. Manakala, tawaran cuti belajar kepada staf akademik juga meningkat kepada 168.8% bagi memastikan Universiti mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi apabila beroperasi di tiga buah kampus kelak, di samping berusaha untuk mencapai sasaran 60% staf akademik Universiti berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 2015.

PEMANTAUAN PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PERKHIDMATAN

Disepanjang tahun 2010 ini, pihak Universiti telah meningkatkan pemantauan pembangunan infrastruktur kampus dengan lebih rapi bagi memastikan sasaran pembangunan tercapai. Mesyuarat dan perbincangan di tapak kampus Bachok dan Jeli kerap diadakan bersama kontraktor dan agensi yang berkaitan. Jawatankuasa Perpindahan telah diwujudkan bagi membuat perancangan berkaitan perpindahan ke kampus baharu pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, prestasi sebenar pembinaan kampus (Bachok dan Jeli) telah tidak menepati sasaran tahun 2010, di mana berlaku kelewatan jadual.

Bagi menampung 45% pertambahan bilangan populasi Universiti dari segi peningkatan enrolmen pelajar dan jumlah staf, kemudahan infrastruktur telah ditambah di kawasan sekitar Kampus UMK sedia ada dengan penambahan sewaan ruang lapan lot unit rumah kedai lige tingkat dengan keluasan keseluruhan 43,200 kaki persegi. Ruang ini telah diubahsuai menjadi ruang dewan kuliah, makmal sains, pejabat pentadbiran serta ruang perkhidmatan lain untuk kebajikan staf, pelajar dan pelanggan lain.




Pembangunan di UMK tidak hanya terhad kepada pembangunan fizikal, turut meningkatkan aspek pembangunan perkhidmatan yang dapat memenuhi kehendak pelanggan dalam dan luar Universiti. Justeru, Jabatan Pembangunan, Infra & Perkhidmatan (JPIP) dan Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi (JTMK) telah dipertanggungjawab untuk memikul tugas ini serta sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, menepati piawai serta menepati kontrak perjanjian meningkat mutu perkhidmatan (SLA).

PRESTASI KEWANGAN

Penghujung tahun 2010 menyaksikan berakhirnya Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) yang sinonim dengan penubuhan UMK kerana mantan Perdana Menteri Malaysia kelima (ke-5) telah pertama kali mengumumkan persetujuan kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti di Kelantan dalam pembentangan RMKe-9 pada 31 Mac 2006. Justeru, penubuhan Universiti ini dapat direalisasikan melalui pemerbadanan pada 1 September 2006. UMK adalah universiti awam ke-19. Di dalam tempoh RMKe-9 ini, UMK telah diperuntukkan oleh kerajaan dengan kos operasi berjumlah RM154.3 juta bagi belanja mengurus dan RM235,698,000 juta bagi belanja pembangunan.

Secara keseluruhan, Universiti dapat mencapai tahap prestasi tinggi dalam perbelanjaan mengurus dan membangun kampus, serta berkeyakinan penuh bahawa kerajaan akan terus memberikan sokongan dalam pembangunan UMK pada masa hadapan. Di samping itu, sehingga tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2010, Universiti juga telah berjaya menjana hasil berjumlah RM37,449,079.64 juta atau 8% berbanding dengan jumlah belanja mengurus melalui pelbagai aktiviti tabung amanah Fakultti/Jabatan, program keusahawanan, penyelidikan dan perundingan.

Universiti telah berusaha dengan gigih untuk mengamalkan perbelanjaan yang berhemah dan berintegriti, walaupun dalam suasana ketidakstabilan ekonomi negara. Universiti memberi keutamaan terhadap perancangan pembangunan kampus bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar, kebijakan staf dan pelajar yang terjamin serta sentiasa berusaha untuk memenuhi segala keperluan bagi mencapai kecermerlangan akademik Universiti.



KESIMPULAN


Dalam membangunkan ekosistem keusahawanan yang kondusif, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2010. Berdasarkan konsep pembangunan berfasa UMK, bagi tempoh tahun 2006-2010, pembangunan Universiti telah selesai fasa meletakkan asas dengan tema "Bersama Kita Membangunkan UMK". Asas reka bentuk organisasi, sumber manusia dan tempat operasi sementara telah dibangunkan, program pengajian telah disediakan, aktiviti penyelidikan, pengantarabangsaan dan perkhidmatan masyarakat telah dimulakan dalam usaha pembentukan UMK sebagai sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) yang cemerlang dan berdaya saing dalam menongkah arus globalisasi pendidikan tinggi yang lebih mencabar.


Segala pencapaian yang dinyatakan di atas telah membuktikan bahawa Universiti berada di landasan yang betul bagi meneruskan usaha untuk merealisasikan visi UMK untuk menjadi peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan untuk kesejahteraan global dengan penekanan kepada enam teras strategik Universiti iaitu pemantapan program pengajian, penyediaan sumber manusia yang kompeten, pembangunan infrastruktur yang kondusif, pentadbiran yang mantap, perkhidmatan kepada masyarakat dan pembudayaan keusahawanan.

Saya percaya dengan bermodalkan insan yang bercirikan keusahawanan, suatu ekosistem yang kondusif dapat diwujudkan demi untuk merealisasikan agenda menjadi sebuah Universiti Keusahawanan (An Entrepreneurial University) yang terkemuka. Saya yakin dan percaya UMK boleh berjaya dan cemerlang, dan kesempatan ini diambil untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada semua warga UMK yang telah bersama-sama membangunkan Universiti sehingga ke tahap seperti hari ini. Harapan saya agar semua warga UMK akan terus meningkatkan semangat dan motivasi masing-masing untuk bekerja dengan lebih efektif pada masa hadapan dalam usaha memantapkan Universiti bagi mencapai aspirasi sebuah Universiti Keusahawanan.

Sekian, wassalam dan terima kasih.

Prof. Dato' Ir. Dr. Zainal bin Mohamed
Naib Canselor






**“A brand is a promise made and if
you want to make it profitable to life,
you must sell it first internally among
your employees.”**



- Dato' Dr. Mohamad Hashim bin Ahmad Tajuddin
Group Managing Director,
Chemical Company of Malaysia Berhad
20 Sept 2008

Universiti Malaysia Kelantan Action Group for
Entrepreneurship Council
(UMK AGE Council)




LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



Pengerusi
Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamad Kama Piah bin Che Othman
Presiden & Ketua Eksekutif
Kumpulan Permodalan Nasional Berhad



Pengerusi	Y.BHG. TAN SRI DATO' HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN
Ahli	Y.BHG. PROF. DATO' IR. DR. ZAINAI BIN MOHAMED
	Y.BHG. TAN SRI DR. WAN ABDUL AZIZ BIN WAN ABDULLAH
	Y.B. DATO' SERI SETIA RAJA DATO' HAJI MOHD AISERI BIN ALIAS
	Y.B. DATUK HAJI MD ALWI BIN CHE AHMAD
	Y.BHG. DATO' MOHAMMED HUSSEIN
	Y.BHG. PUAN YASMIN BINTI MAHMOOD
	ALLAHYARHAM Y.BHG. DR. RAMLI BIN HASSAN (sehingga Oktober 2010)
	Y.BHG. DATO' MAHAMED BIN HUSSAIN (mulai 1 November 2010)
Setiausaha	EN. ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN



Ahli
Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan




Ahli
Y.Bhg. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan



Ahli
Y.B. Dato' Seri Setia Raja Dato' Haji
Mohd Aiseri bin Alias
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



Ahli
Y.B. Datuk Haji Md Alwi bin Che Ahmad
Ahli Lembaga Juruukur Malaysia



Ahli
Y.Bhg. Dato' Mohammed Hussein
Ahli Perniagaan
(Mantan Timbalan Presiden Maybank Berhad)


Ahli
Y.Bhg. Puan Yasmin binti Mahmood
Pengarah Urusan
Microsoft (Malaysia) Sdn. Bhd.



Ahli
Allahyarham Y.Bhg. Dr. Ramli bin Hassan
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pembangunan)
Kementerian Pengajian Tinggi
(sehingga Oktober 2010)

Ahli
Y.Bhg. Dato' Mahamed bin Hussain
Setiausaha Bahagian Pembangunan
Kementerian Pengajian Tinggi
(bermula 1 November 2010)


Setiausaha
En. Abdul Halim bin
Abdul Rahman
Pendaftar
Universiti Malaysia Kelantan




**“You can come out with new ideas,
change the business concepts,
provide the values and you can
transformed the business.”**

- Dr. Ken Leong
Founder & CEO, E-Lock Coperation Sdn. Bhd.



12 April 2008
Universiti Malaysia Kelantan Action Group for
Entrepreneurship Council
(UMK AGE Council)



PEGAWAI UTAMA DAN SENAT UNIVERSITI



Pengerusi	Y.BHG. PROF. DATO' IR. DR. ZAINAI BIN MOHAMED
Setiausaha	EN. ABDUL HALIM BIN ABDUL RAHMAN
Ahli	Y.BHG. PROF. DR. AZIZUL HALIM BIN YAHYA Y.BHG. PROF. DATO' DR. HAJI MORTAZA BIN MOHAMED PROF. DR. HAJI IBRAHIM BIN CHE OMAR PROF. MADYA HAJI ABD. AZIZ BIN SHUIB PROF. MADYA DR. MOHAMED DAHLAN BIN IBRAHIM PROF. ROSDI BIN ABD. RAHMAN PROF. MADYA DR. FAROK BIN ZAKARIA Y.BHG. PROF. EMERITUS DATO' DR. MOHD NAWI BIN AB. RAHMAN PROF. MADYA ABDUL AZIZ BIN AB. LATIF Y.BHG. DATO' DR. ADI BIN HAJI TAHA Y.BHG. PROF. DR. AWANG SOH BIN MAMAT DR. MOHD AZAM KHAN BIN GORIMAN KHAN




Pengerusi
Y.Bhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed
Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan



Ahli
Y.Bhg. Prof. Dr. Azizul Halim Yahya
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
Universiti Malaysia Kelantan



Ahli
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Haji Mortaza bin Mohamed
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Universiti Malaysia Kelantan



Setiausaha
En. Abdul Halim bin
Abdul Rahman
Pendaftar
Universiti Malaysia Kelantan



Ahli
Prof. Dr. Haji Ibrahim
bin Che Omar
Dekan Fakulti Agro Industri
dan Sumber Asli



Ahli
Prof. Madya Haji Abd. Aziz
bin Shuib
Dekan Fakulti Teknologi Kreatif
dan Warisan




Ahli
Prof. Madya Dr. Mohamed Dahlan
bin Ibrahim
Dekan Fakulti Keusahawanan
dan Perniagaan



Ahli
Prof. Rosdi bin Abd. Rahman
Pengarah Pusat Pembangunan
dan Pengurusan Akademik



Ahli
Prof. Madya Dr. Farok bin Zakaria
Pengarah Pusat Pengajian
Bahasa dan Pembangunan
Insaniah




Ahli
Y.Bhg. Prof. Emeritus Dato' Dr.
Mohd Nawi bin Ab. Rahman
Profesor Fakulti Keusahawanan
dan Perniagaan



Ahli
Prof. Madya Abdul Aziz
bin Ab. Latif
Pengarah Institut Perusahaan
Kecil dan Sederhana



Ahli
Y.Bhg. Dato' Dr. Adi
bin Haji Taha
Felo Utama Fakulti Teknologi
Kreatif dan Warisan




Ahli
Y.Bhg. Prof. Dr. Awang Soh
bin Mamat
Profesor Fakulti Agro Industri
dan Sumber Asli





Ahli
Dr. Mohd Azam Khan
bin Goriman Khan
Pemangku Dekan
Fakulti Perubatan Veterinar

CARTA ORGANISASI 2010




* Sila Rujuk PERINCIAN A





**“Focus on your brand, promote and
improve your product quality and
costumer services.”**

- Dato' Sri Abdul Wahid Omar
President & CEO Maybank
18 Oktober 2008



GOVERNANS DAN KEPIMPINAN

GOVERNANS

SISTEM PENYAMPAIAN

PENINGKATAN KUALITI KESIHATAN DAN KEBAJIKAN

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

KEMUDAHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

GOVERNANS DAN KEPIMPINAN



Bertepatan dengan status sebagai universiti keusahawanan, Universiti melaksanakan mekanisme tadbir urus yang cekap dan kepimpinan yang berkesan bagi melahirkan warga kerja yang inovatif, kreatif, berkualiti dan berdaya saing serta mempunyai nilai moral yang tinggi. Sebagai sebuah universiti keusahawanan yang menekankan elemen kreativiti dan inovasi, Universiti mengutamakan penggunaan teknologi dalam sistem penyampaian dan penonjolan sifat entreprising secara komprehensif dalam pengurusan. Pada masa yang sama, warga Universiti dituntut mengamalkan sikap profesional dan keterbukaan menerima perubahan.

Dalam aspek teknologi maklumat dan komunikasi, Universiti telah melakukan pengubahsuaian dan penambahbaikan secara dalam (in-house) dari semasa ke semasa dan sesetengah modul dan perisian menggunakan perisian sumber terbuka (open source software). Ini secara tidak langsung mengurangkan pembelian lesen perisian dan menjimatkan perbelanjaan perolehan. Selain itu, peningkatan capaian ke Internet dan sambungan ke rangkaian khusus bagi pendidikan, penyelidikan dan pembangunan (R&D) dapat membantu dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada warga UMK.

GOVERNANS

Sistem governans menjadi agenda utama Universiti untuk meningkatkan sistem tadbir urus yang berkesan melalui penggunaan teknologi maklumat secara lebih meluas. Ini bertepatan dengan strategi keempat pembangunan UMK iaitu mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap.

Bagi tujuan tersebut pihak Universiti telah mencipta e-meeting sebagai kaedah untuk meningkatkan pengurusan mesyuarat tanpa kertas. Sistem Perakam Waktu Berkomputer secara Atas Talian juga telah diperkenalkan bagi menggantikan sistem perakam waktu secara manual bagi penyimpanan rekod kehadiran yang lebih sistematis. Pihak Universiti juga berusaha untuk meningkatkan kefahaman staf tentang dasar-dasar ulama Universiti melalui perhimpunan bulanan yang telah menjadi agenda utama Universiti.



SISTEM PENYAMPAIAN

PERHIMPUNAN BULANAN

Perhimpunan Bulanan menjadi agenda utama Universiti bagi memastikan penyaluran maklumat Universiti yang terkini kepada semua staf. Sesi perjumpaan tersebut dimulakan dengan penyampaian amanat oleh Naib Canselor dan diakhiri dengan senamrobik bagi memastikan staf sentiasa cergas dan sihat.

Program seumpama ini selain dapat memastikan staf mendapat informasi terkini tentang Universiti, turut mengeratkan lagi hubungan sesama staf.


Sepanjang tahun 2010, sebanyak 10 kali Perhimpunan Bulanan telah dapat diadakan iaitu pada 3 Januari, 7 Februari, 7 Mac, 4 April, 9 Mei, 20 Jun, 7 Ogos, 7 Oktober, 2 November dan 5 Disember. Pada tarikh 7 Ogos dan 7 Oktober, Perhimpunan Bulanan diadakan bersekali dengan Hari Keluarga UMK 2010 dan Majlis Sambutan Aidil Fitri.

MESYUARAT UTAMA UNIVERSITI

Bagi mencapai halaju Universiti, mesyuarat utama menjadi platform kepada Pihak Pengurusan dan staf membincangkan hal ehwal pentadbiran Universiti. Untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran berjalan lancar, mesyuarat utama telah dapat dianjurkan seperti Jadual 1.1.

Bil.	Mesyuarat	Tarikh
1.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU), termasuk mesyuarat khas LPU	17 Januari 17 April 13 Jun 5 September 28 Disember
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif	5 & 24 Januari 7 & 21 Februari 2 & 21 Mac 5 & 25 April 10 Mei & 2 Jun 8 & 21 Jun 5 & 21 Julai 2 & 22 Ogos 6 & 26 September 11 Oktober 3 & 23 November 6 & 22 Disember
3.	Mesyuarat Bersama Jabatan (MBJ)	9 Februari 21 Disember
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus	27 Oktober

Jadual 1.1 : Mesyuarat Utama Universiti Bagi Tahun 2010



MESYUARAT PENYELARASAN PENGURUSAN UNIVERSITI

Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Universiti diadakan secara berkala sebagai platform perkongsian amalan terbaik (best practises). Mesyuarat dijadualkan sebulan sekali untuk menyampaikan maklumat dan keputusan-keputusan pihak Pengurusan Universiti kepada wakil-wakil jabatan dan seterusnya disampaikan kepada staf di jabatan masing-masing. Kesempatan ini juga digunakan untuk setiap jabatan melaporkan perkembangan terkini setiap jabatan dan kejayaan yang telah dicapai untuk dikongsi bersama wakil dari setiap jabatan dan Pusat Tanggung-jawab.

Pada tahun 2010, sebanyak tujuh mesyuarat telah berjaya diadakan seperti Jadual 1.2.

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Kekerapan Mesyuarat
1.	Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Universiti	27 Januari 28 Februari 28 Mac 28 April 23 Jun 25 Ogos 27 Oktober	Sebulan sekali

Jadual 1.2: Mesyuarat Penyelarasan Pengurusan Universiti Bagi 2010

PENGURUSAN STRATEGIK UNIVERSITI

Management Retreat 2010 telah diadakan pada 1-3 Disember 2010 bertempat di Lake Kenyir Resort & Spa, Kuala Berang, Terengganu bagi membincangkan pencapaian Universiti bagi tahun 2010 dan mengenal pasti masalah yang dihadapi sepanjang tahun berkenaan. Hasil daripada perbincangan tersebut, satu dokumen KPI Universiti tahun 2011 telah berjaya dihasilkan.

E-MEETING

Tanggal 9 Jun 2010 melakar sejarah apabila e-meeting buat pertama kalinya telah dilancarkan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara. E-meeting telah digunakan secara meluas di UMK terutama dalam pengendalian mesyuarat ulama Universiti seperti Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan Mesyuarat Jawatankuasa Senat. Penggunaan e-meeting telah mengurangkan penggunaan kertas dan fail mesyuarat. Secara tidak langsung pengurusan mesyuarat dapat dikendalikan dengan lebih efisien.

PEMAKAIAN PEKELILING / SURAT PEKELILING KERAJAAN

Sepanjang tahun 2010, pihak Universiti telah juga menerima pakai 12 Pekeliling / Surat Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta tiga Pekeliling / Surat Pekeliling Perbendaharaan.



PEKELILING PENTADBIRAN UNIVERSITI

Bagi memastikan setiap keputusan Universiti dilaksanakan dan dipatuhi oleh semua staf, pihak Universiti dari semasa ke semasa telah mengeluarkan 22 Pekeliling Pentadbiran sepanjang tahun 2010 seperti Jadual 1.3.

Bil.	Pekeliling Pentadbiran	Tarikh Pekeliling Dikeluarkan
1.	Bil. 1 Tahun 2010 Pelantikan Pendaftar Universiti Malaysia Kelantan	19 Januari
2.	Bil. 2 Tahun 2010 Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Profesor Gred Khas C (VK7) di Universiti Malaysia Kelantan	24 Februari
3.	Bil. 3 Tahun 2010 Peraturan Perubatan Staf UMK Mendapatkan Rawatan di Institut Jantung Negara (IJN)	24 Februari
4.	Bil. 4 Tahun 2010 Penggunaan Tema "Semoga Allah Melindungi Tuanku Dunia Dan Akhirat" Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan ke bawah DYMM Al-Sultan Kelantan Yang Ke 60 di Dalam Surat-surat Rasmi Universiti	24 Februari
5.	Bil. 5 Tahun 2010 Syarat-syarat Pengesahan Dalam Perkhidmatan Di Universiti Malaysia Kelantan	1 Mac
6.	Bil. 6 Tahun 2010 Pengisian Sasaran Kerja Tahunan Secara "Online" Bagi Tahun 2010 Di Universiti Malaysia Kelantan	1 Mac
7.	Bil. 7 Tahun 2010 Pelantikan Bendahari Universiti Malaysia Kelantan	25 April
8.	Bil. 8 Tahun 2010 Pelaksanaan Waktu Bekerja Berperingkat di Universiti Malaysia Kelantan	6 Mei
9.	Bil. 9 Tahun 2010 Pelanlikan Sebagai Ketua Unit, Unit Pengajaran dan Pembelajaran, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik	31 Mei
10.	Bil. 10 Tahun 2010 Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Pensyarah Kanan Gred DS52 di Universiti Malaysia Kelantan	31 Mei
11.	Bil. 11 Tahun 2010 Pelantikan Sebagai Pemangku Ketua Unit Pengajaran dan Pembelajaran, Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik	10 Jun
12.	Bil. 12 Tahun 2010 Pelantikan Sebagai Pemangku Ketua Jabatan, Jabatan Agro Industri, Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli	24 Jun
13.	Bil. 13 Tahun 2010 Pelantikan Sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Kelantan	24 Jun
14.	Bil. 14 Tahun 2010 Majlis Sambutan Ulang Tahun Ketiga Beroperasi dan Pelancaran Bulan Kemerdekaan	3 Ogos

Bil.	Pekeliling Pentadbiran	Tarikh Pekeliling Dikeluarkan
15.	Bil. 15 Tahun 2010 Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-anak Yatim Serta Majlis Ambang Kemerdekaan 2010	25 Ogos
16.	Bil. 16 Tahun 2010 Pengemaskinian Skim Perkhidmatan Perubatan Staf (Kemudahan Rawatan Klinik Panel)	23 September
17.	Bil. 17 Tahun 2010 Cuti Am Peristiwa Pada 27 Zulkaedah 1431H Bersamaan 4 November 2010	2 November
18.	Bil. 18 Tahun 2010 Larangan Melibatkan Diri Semasa Kempen Pilihanraya Kecil Kawasan Parlimen Batu Sapi (P185) Sabah dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas (N45) Kelantan	2 November
19.	Bil. 19 Tahun 2010 Pelantikan Sebagai Ketua Unit Kebudayaan, Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Ko-kurikulum	24 November
20.	Bil. 20 Tahun 2010 Penganjuran Majlis Budaya Ilmu Perdana Sempena Sambutan Ma'al Hijrah 1432H	6 Disember
21.	Bil. 21 Tahun 2010 Pengisian Laporan Nilaian Prestasi (LNPT) Bagi Tahun 2010	13 Disember
22.	Bil. 22 Tahun 2010 Majlis Penyampaian Amanat Tahun Baru Oleh YBhg. Naib Canselor UMK	20 Disember

Jadual 1.3: Pekeliling Pentadbiran Bagi Tahun 2010

MANUAL PROSEDUR KERJA DAN FAIL MEJA

Pihak Universiti turut memandang serius tentang keperluan mengadakan Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja di setiap jabatan bagi meningkatkan produktiviti di setiap jabatan. Satu mesyuarat khusus berkaitan penyediaan (dalam aspek konsep, kepentingan dan proses penyediaan) telah diadakan pada bulan Disember 2009 untuk menjadikan agenda utama pentadbiran 2010. Sepanjang tahun 2010, pihak Universiti telah berjaya mengwujudkan MPK di lima jabatan iaitu Jabatan Pendaftar, Jabatan Perpustakaan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Canselor dan Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli.

PENGURUSAN REKOD KEHADIRAN STAF

Mulai 3 Januari 2010, Universiti telah memperkenalkan Sistem Perakam Waktu Berkompputer secara Alas Talian (Online) bagi menggantikan sistem perakam waktu secara manual yang sedia ada. Penggunaan Sistem Perakam Waktu Atas Talian bagi membolehkan pemantauan dan penyimpanan rekod kehadiran yang lebih sistematis.

Adalah menjadi tanggungjawab setiap staf untuk merekodkan kehadiran ke pejabat melalui terminal kehadiran atau e-comm yang telah disediakan, selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 Panduan Pengurusan Pejabat.

Pelaksanaan sistem perakam waktu online telah dinaiktaraf pada 1 September 2010 dengan memaparkan status kehadiran mengikut warna iaitu:

- i. Warna kuning ialah bagi rekod kehadiran yang tiada sebarang masalah kehadiran (sebarang ketidakhadiran telah di add reason dan diluluskan oleh Ketua Jabatan);
- ii. Kad perakam waktu akan berubah kepada warna hijau pada bulan berikutnya apabila terdapat tiga catitan merah semasa dalam status kuning; dan
- iii. Kad perakam waktu akan berubah kepada warna merah pada bulan berikutnya apabila terdapat satu kali catitan merah semasa dalam status hijau.



WAKTU BEKERJA BERPERINGKAT (WBB)

Pada 1 Jun 2010, pihak Universiti telah melaksanakan WBB kepada staf pentadbiran yang berlujuan untuk memastikan sistem penyampaian yang lebih efektif, iaitu Jabatan / Fakulti / Pusat akan beroperasi 30 minit lebih awal dan berakhir 45 minit selepas waktu pejabat biasa (pada hari Ahad hingga Khamis) bagi memudahkan agensi / pelanggan untuk berurusan dengan pihak Universiti.

WBB dibahagikan kepada tiga waktu seperti dalam Jadual 1.4.

Waktu Berperingkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja
WP 1	Ahad - Rabu Khamis	7.30 pg - 4.30 ptg 7.30 pg - 3.00 ptg
WP 2	Ahad - Rabu Khamis	8.00 pg - 5.00 ptg 8.00 pg - 3.30 ptg
WP 3	Ahad - Rabu Khamis	8.30 pg - 5.30 ptg 8.30 pg - 4.00 ptg

Jadual 1.4: Pelaksanaan WBB di UMK

WAKTU BEKERJA DAN CUTI MINGGUAN ANJAL BAGI PEMANDU KENDERAAN BERMOTOR (R3)

Waktu Bekerja dan Cuti Mingguan Anjal Bagi Pemandu Kenderaan Bermotor (R3) telah dilaksanakan pada 1 Jun 2010 bertujuan untuk membolehkan pemandu kenderaan bermotor mendapat waktu rehat yang mencukupi dan bersama keluarga selaras dengan dasar kerajaan untuk memperkuatkannya institusi kekeluaran.

Untuk melaksanakan kaedah ini, pemandu dibahagikan kepada dua kumpulan kerja iaitu kumpulan A yang cuti mingguan pada hari Khamis dan Jumaat manakala kumpulan B pada hari Sabtu dan Ahad.



PENINGKATAN KUALITI KESIHATAN DAN KEBAJIKAN

KEMUDAHAN PERUBATAN

Bagi memastikan kesihatan staf sentiasa berada pada tahap yang optimum, pihak Universiti telah memperluaskan capaian perkhidmatan perubatan kepada staf dengan melantik sebuah lagi klinik panel iaitu Klinik Rusli menjadikan jumlah klinik panel Universiti kepada enam buah.

Staf diberi kebebasan untuk memilih dua buah klinik panel yang bersesuaian dengan keperluan perubatan mereka. Dengan ini, kos rawatan perubatan dapat dikawal dan dibelanjakan dengan berhemah. Jadual 1.5 menunjukkan perbandingan kos perbelanjaan perubatan di klinik panel yang ditanggung oleh Universiti bagi tahun 2009 dan 2010:


Perkara	2009	2010	% Peningkatan
Jumlah Perbelanjaan (RM)	81,064.56	132,056.20	63%
Kekerapan Lawatan	2813	3714	32%
Purata Kos Perbelanjaan Seorang Staf	28.80	35.60	24%

Jadual 1.5: Perbandingan Perbelanjaan Perubatan Staf Di Klinik Panel Bagi Tahun 2009 dan 2010

PENGANJURAN HARI KELUARGA UMK 2010

Penganjuran Hari Keluarga telah menjadi aktiviti tahunan Universiti yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara staf. Pada 7 Ogos 2010, Hari Keluarga UMK telah dianjurkan dengan jayanya di Sweet Beach Resort, Tok Bali, Kelantan. Seramai 267 staf bersama ahli keluarga masing-masing telah dihiburkan dengan aktiviti menarik seperti tarik upih (berpasangan), belur manja, pecah belon di kaki dan pelbagai lagi aktiviti.





PAKAIAN SERAGAM DAN PAKAIAN KORPORAT UNIVERSITI

Pada tahun 2010, kemudahan pakaian seragam dalam aspek reka bentuk telah diselaraskan dan dikategorikan kepada empat iaitu:

- i. Pakaian Seragam Umum
 - Untuk jawatan Pemandu Kenderaan, dikekalkan rekabentuk tetapi sedikit perubahan dilakukan terhadap bahagian bawah pakaian, iaitu baju dipanjangkan supaya boleh di 'tuck in'.
 - Untuk jawatan Juruteknik, Juruteknik Komputer dan Pembantu Makmal, pakaian seragam adalah berwarna biru gelap.
 - Untuk jawatan Tukang K3, Pekerja Awam Khas dan Pembantu Am Pejabat, warna pakaian seragam dijadikan warna biru muda.
- ii. Pakaian Seragam Perubatan untuk jawatan Jururawat telah diubah warna dari biru ke warna putih, iaitu dengan mengambil kira warna putih sebagai warna umum bagi kumpulan perkhidmatan perubatan.
- iii. Pakaian Seragam Keselamatan untuk staf berjawatan Pembantu Keselamatan dan Pengawal Keselamatan dikekalkan reka bentuk. Universiti telah memasukkan aksesori pakaian seragam iaitu topi, lanyard dan epolet sesuai dengan jawatan Pembantu / Pengawal Keselamatan yang merupakan frontliners Universiti.
- iv. Pakaian Standard Korporat Universiti, telah dipersetujui rekabentuk digalakkan penggunaan oleh semua staf.

KHAIRAT KEMATIAN DAN ANAK ANGKAT UNIVERSITI

Mulai 1 Jun 2009, pihak Universiti telah menubuhkan Tabung Khairat Kematian yang bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada keluarga staf yang dilimpa musibah semasa dalam perkhidmatan. Staf secara sukarela menyumbang kepada Tabung ini apabila ada musibah di kalangan staf melalui potongan gaji. Tabung Khairat Kematian ini ternyata telah membantu penerima pertama khairat kematian iaitu bahu kepada seorang staf dari Unit Keselamatan, Jabatan Pendaftaran. Sumbangan khairat kematian berjumlah RM 2,490.00 dan bantuan pengurusan jenazah berjumlah RM 1,000.00 telah disampaikan oleh YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) kepada bahu staf berkenaan pada 4 Julai 2010 di kediaman beliau. Pihak Universiti juga telah bersetuju untuk mengambil anak-anak staf ini sebagai anak angkat Universiti bagi meringankan beban keluarga staf ini yang telah hilang sumber pendapatan.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT BERSEPADU SUMBER MANUSIA (HRMIS)

Pihak Universiti sentiasa memastikan rekod peribadi dan perkhidmatan staf dikemas kini, selaras dengan Key Performance Indicator (KPI) yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi iaitu untuk modul data rekod peribadi dan data profil perkhidmatan. Pada tahun 2010, UMK telah mencapai 99.80% untuk modul data rekod peribadi dan 99.75% untuk modul data profil perkhidmatan.

PERJAWATAN 2010

Sehingga 31 Disember 2010, sejumlah 527 jawatan iaitu 253 jawatan bukan akademik dan 274 jawatan akademik telah diperuntukkan kepada UMK. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 434 jawatan telah diisi, iaitu 199 jawatan akademik dan 235 jawatan bukan akademik. Ini menunjukkan peningkatan bilangan staf sebanyak 12.14% berbanding tahun 2009. Lebihan jawatan yang belum diisi adalah jawatan akademik dikhususkan untuk staf yang selesai pengajian di bawah Skim Cuti Belajar.

Statistik perjawatan UMK tahun 2009 dan 2010 adalah seperti dalam Jadual 1.6.

Kumpulan/Kategori Perkhidmatan	Jumlah Jawatan yang diluluskan sehingga 2009	Jumlah Jawatan yang diluluskan sehingga 2010	Jumlah Jawatan sehingga 31 Disember 2010
Pengurusan Tertinggi	3	0	3
Akademik	166	81	247
Profesor / Felo Utama	10	4	14
Profesor Madya / Felo Kanan	8	2	10
Bukan Akademik	250	3	253
Jumlah Besar			527

Jadual 1.6: Statistik Perjawatan UMK bagi Tahun 2009 dan 2010

PRESTASI PERKHIDMATAN

Pengiktirafan Kepada Sumbangan dan Pencapaian Staf

Bagi menghargai sumbangan dan pencapaian staf, pihak Universiti telah bersetuju memilih 32 orang staf untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi tahun 2009 sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2009 yang telah diadakan pada 9 Jun 2010 di Dewan Terbuka Keusahawanan. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara.

Pada majlis yang sama, pihak Universiti juga telah mengiktiraf sumbangan dan pencapaian 9 orang staf untuk menerima Anugerah Gemilang Universiti (AGU) dalam kategori Khas Universiti, Keusahawanan, Pengajaran & Pembelajaran, dan Perkhidmatan.

Pihak Universiti juga buat julung kalinya telah memperkenalkan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) yang diberikan kepada Pusat Tanggungjawab yang telah menunjukkan prestasi dan pencapaian yang cemerlang dalam bidang-bidang yang telah ditetapkan. Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli telah dipilih sebagai penerima pertama anugerah ini.



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Cuti Belajar

Bagi tahun 2010, pihak Universiti telah menggunakan 54 daripada 72 peruntukan basiswa SLAB/SLAI, Kementerian Pengajian Tinggi. Jadual 1.7 menunjukkan jumlah peruntukan dan pengisian basiswa oleh pihak Universiti:

Jenis Biasiswa	Peruntukan		Pengisian	
	2009	2010	2009	2010
SLAB	43	38	4	36
SLAI	63	34	17	17
LAIN-LAIN	-	-	2	1
JUMLAH	106	72	23	54

Jadual 1.7: Peruntukan SLAB/SLAI 2009 dan 2010

Sehingga 31 Disember 2010, seramai 86 orang staf aktif Cuti Belajar di dalam negeri dan di luar negara. Perincian Staf Aktif Cuti Belajar sehingga 31 Disember 2010 adalah seperti Jadual 1.8.

Peringkat	Dalam Negeri	Luar Negara
MASTER	35	1
PhD	24	26
JUMLAH	59	27

Jadual 1.8: Staf Aktif Cuti Belajar Sehingga 31 Disember 2010

Sepanjang tahun 2010, seramai 16 orang staf telah berjaya memperoleh ijazah Sarjana manakala tiada staf yang dijadualkan tamat untuk Ijazah Doktor Falsafah bagi tahun tersebut. Pecahan mengikut staf yang tamat Pengajian di dalam negeri dan di luar negara seperti Jadual 1.9.

Peringkat	Dalam Negeri	Luar Negara
MASTER	8	8
PhD	-	-
JUMLAH	8	8

Jadual 1.9: Staf Tamat Pengajian Master sehingga 31 Disember 2010

Kursus/ Latihan

Kursus/latihan yang perlu dihadiri oleh staf dibahagikan kepada tiga iaitu kursus wajib perkhidmatan, kursus wajib Universiti dan latihan seperti Jadual 1.10.

KURSUS WAJIB PERKHIDMATAN	Jumlah
Kursus Induksi	
Kursus Induksi Khusus: - Kumpulan P&P dan Kumpulan Sokongan I - Kumpulan Sokongan II	62 orang 59 orang
Jumlah	121 orang
Kursus Induksi Umum: - Kumpulan P&P dan Kumpulan Sokongan I - Kumpulan Sokongan II	55 orang 95 orang
Jumlah	150 orang
KURSUS WAJIB UNIVERSITI	Jumlah
Team Building	140 orang
LATIHAN	Jumlah
Kursus /Latihan Anjuran Dalaman	19 latihan
Kursus /Latihan Anjuran Luar	367 latihan

Jadual 1.10: Kursus Wajib Perkhidmatan, Kursus Wajib Universiti dan Latihan

Pihak Universiti buat pertama kali telah menganjur dan mengendalikan sendiri dua sesi kursus Team Building iaitu pada 28 hingga 30 Oktober 2010 dan 30 Oktober hingga 2 November 2010 bertempat di Peladang Agro Setiu, Terengganu.

Pihak Universiti juga telah melaksanakan program U-Assist Networking peringkat antarabangsa pada 23 Disember 2010 dan seramai 140 orang staf pentadbiran menyertai program tersebut.

Bagi memastikan pengembangan modal insan secara berterusan, pihak Universiti mensasarkan setiap staf menghadiri sekurang-kurangnya 56 jam setahun atau selara dengan tujuh hari latihan / kursus.

Sepanjang tahun 2010 sebanyak 386 kursus telah dihadiri oleh staf pelbagai peringkat kumpulan jawatan. Pecahan jam latihan mengikut kategori staf sepanjang tahun 2010 adalah seperti Jadual 1.11.


Bil.	Kategori Staf	Bilangan Staf	Bilangan Latihan	Jumlah Jam	Catalan (Purata Jam)
1.	Akademik (tidak termasuk staf cuti belajar)	196	177	3556	18
2.	Bukan Akademik (Pengurusan & Profesional)	64	117	3077	49
3.	Bukan Akademik (Sokongan I dan II)	229	92	4922	22
Jumlah		489	386	11 555	24

Jadual 1.11: Pecahan Jam Latihan Mengikut Kategori Staf Sepanjang Tahun 2010

Jumlah staf yang telah menyempurnakan sekurang-kurang 7 hari latihan pada tahun 2010 adalah seperti dalam Jadual 1.12.

Kumpulan	Bilangan Staf	Hadir Latihan Lebih 56 jam	Hadir Latihan Kurang 56 jam	Belum Hadir Sebarang Latihan
Tertinggi Utama	3	0	3	0
Tertinggi Khas	14	6	7	1
Pengurusan & Profesional	243	75	119	48
Sokongan I	168	76	86	4
Sokongan II	61	17	44	0
Jumlah	489	174	259	53
Peratus (%)		35.6	53.0	10.8

Jadual 1.12: Statistik Kehadiran Staf Menghadiri Kursus/Latihan Bagi Tahun 2010



Jumlah jam latihan/kursus dikira berasaskan jumlah staf yang aktif pada Disember 2010. Sebahagian besar daripada staf tersebut (kira-kira 30%) adalah yang bertugas mulai pertengahan atau suku akhir 2010.

Bagi meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran, staf akademik juga dihantar untuk mengikuti program latihan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi.



AKADEMI KEPIMPINAN DAN PENGAJIAN TINGGI (AKEPT)


Beberapa orang pegawai daripada kalangan pengurusan tertinggi Universiti telah menjalani latihan di Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) yang meliputi latihan kepimpinan, pengajaran dan pembelajaran, serta kepimpinan penyelidikan dan inovasi. Maklumat latihan yang telah dihadiri adalah seperti dalam Jadual 1.13.

Bil.	Tarikh	Tajuk	Peserta
1.	2 - 4 Mac 2010	NICHE (1) : Commercialization Development	3 orang
2.	29 - 30 Mac 2010	Performance Management Symposium	1 orang
3.	31 Mei - 1 Jun 2010	Building a Community of Learners	1 orang
4.	7 - 9 Jun 2010	Program Latihan Untuk Ahli Akademik dalam Bidang Penyelidikan, Pengkomersialan dan Penulisan	5 orang
5.	24 Jun 2010	Seminar Halatuju Pembangunan Keusahawanan IPT	1 orang
6.	28 Jun 2010	Research Supervisor Training Programme	1 orang
7.	7 Okt 2010	Seminar Educate 10	2 orang
8.	9 Nov 2010	Financial Management For Non-Finance Managers	1 orang
9.	11 Nov 2010	Seminar Understanding Learning & Teaching In Higher Education	4 orang

Jadual 1.13: Maklumat latihan AKEPT yang dihadiri oleh staf UMK



Dalam usaha untuk mempertingkatkan kemahiran dalam bidang tadbir urus, staf bukan akademik juga diberi pendedahan dan penglibatan dengan pembelajaran melalui pengalaman dengan menempatkan mereka di beberapa buah IPTA bagi komponen pembelajaran seperti Carta 1.1:



Carta 1.1: Pecahan Latihan Bagi Tahun 2010

Kos Latihan

Kos keseluruhan latihan yang dikendalikan oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan pada tahun 2010 adalah sebanyak RM325,681.87.

KEMUDAHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (IMS)

Bagi tahun 2010, kebanyakan modul yang terdapat dalam IMS telah diubah suai dan ditambah baik dengan mengambil kira keperluan semasa pengguna. Terdapat juga modul dan sistem baru yang telah dibangunkan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) berdasarkan permohonan pengguna seperti berikut:

Pembangunan Sistem/Modul Baru dan peratusan pencapaian:

- i. E-Tadbir
 - a. E-Claim (100%)
 - b. Tuntutan Lebih Masa (100%)
 - c. E-Vot (100%)
- ii. Sistem Kompetensi (100%)
- iii. Sistem Pendaftaran Program SEED (100%)
- iv. E-hadir (100%)
- v. Terminal Kedatangan Staf (100%)
- vi. Laporan Penilaian Pensyarah (80%)
- vii. Sistem SIEP – Perekodan Data (100%)
- viii. Latihan Dalam/Luaran (95% / 5%)
- ix. Cuti Belajar (10%)
- x. Aset – Bahagian Pendaftaran dan Penerimaan (30%)
- xi. E-Learning – (95%)

Prestasi penggunaan IMS, Portal dan Sistem Sokongan Lain

- i. Portal Staf dan Pelajar – 100%
- ii. Sistem Pengurusan Sumber Manusia & Pentadbiran (HRA) – 80%
- iii. Sistem Pengurusan Pelajar (SIS – Akademik dan HEP) – 85%
- iv. Sistem Sokongan – 70%
- v. E-Learning – 60%



KEMUDAHAN ICT

Untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan penyenggaraan, UMK telah membuat perolehan secara sewaan peralatan ICT selari dengan penambahan staf dan pelajar. Jadual 1.14 menunjukkan jumlah komputer dimiliki oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) sehingga akhir tahun 2010.

Kemudahan	Aset UMK	Sewaan	Jumlah
Komputer	220	608	828
Komputer Riba	31	277	308
JUMLAH	251	885	1136

Jadual 1.14: Jumlah Unit Komputer Untuk Staf dan Pelajar Sehingga Akhir Tahun 2010

MEMPERKASAKAN INFRASTRUKTUR ICT


JTMK sentiasa meningkatkan pembangunan dan pengurusan Infrastruktur ICT Universiti. Antara aktiviti yang dijalankan bagi memperkasakan infrastruktur ICT adalah seperti berikut:

- i. Menaik taraf rangkaian Internet kepada 100 Mbps serta baik pulih makmal komputer.
- ii. Penstrukturkan semula rangkaian UMK Taman Bendahara.
- iii. Menaik taraf keselamatan rangkaian dan versi E-Mel Staf.
- iv. Penambahbaikan Infrastruktur Virtualization.
- v. Melanggan rangkaian Malaysian Research and Education Network (MyREN) dengan kapasiti 10 Mbps.
- vi. Menyediakan perkhidmatan persidangan video secara komprehensif. Menghubung Pejabat Kecil Universiti Malaysia Kelantan, Putrajaya & Bangunan Sewaan UMK, Padang Tembak dengan litar suwa berkelajuan 4 Mbps.
- vii. Menghubung bangunan UMK, Padang Tembak ke bangunan UMK, Taman Bendahara menggunakan teknologi Virtual Private Network (VPN) secara inisiatif sumber terbuka.

Dengan melanggan MyREN, pengguna mempunyai laluan alternatif yang lebih stabil dan kelajuan yang konsisten apabila mengakses ke rangkaian antara IPTA, pusat penyelidikan seperti MIMOS, TM RND dan lain-lain. Selain itu capaian ke rangkaian penyelidikan dan pendidikan antarabangsa dapat dipertingkat menggunakan persidangan video melalui rangkaian MyREN.


IMPLIKASI KEWANGAN

Pada tahun 2010, JTMK telah membelanjakan RM4,183,400.00 iaitu 168.6% daripada peruntukan asal yang diberikan RM2,481,400.00. Sehubungan itu, JTMK telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM1,702,000.00.



**“A normal businessman may not be
an entrepreneur because an
entrepreneur requires risk taking”**

- Dato' Sabri Ahmad
Chairman, Malaysian Palm Oil Board
19 Jan 2008



AKADEMIA

STAF AKADEMIK

PROGRAM PEMBANGUNAN STAF AKADEMIK

PELANTIKAN PROFESOR / FELO UTAMA

STAF AKADEMIK TAMU

STAF ANTARABANGSA

SANJUNGAN AKADEMIK



Dalam memperkasaan pendidikan keusahawanan di UMK, pihak universiti telah berlindak secara inovatif dengan membuat pengambilan dan pelantikan staf akademik dari industri dan antarabangsa sebagai satu usaha menggembangkan ilmu berasaskan teori dan praktis dalam keusahawanan untuk diterapkan dalam kursus yang ditawarkan.

STAF AKADEMIK

Sehingga tahun 2010, Universiti Malaysia Kelantan mempunyai seramai 196 orang staf akademik di empat buah fakulti dan satu pusat pengajian. Pecahan staf akademik mengikut kumpulan jawatan sehingga 31 Disember 2010 adalah sebagaimana jadual di bawah:

Kumpulan /Kategori Perkhidmatan	2008	2009	2010
Profesor	5	9	12
Felo Utama	-	3	5
Profesor Madya	4	6	7
Felo Kanan	-	2	3
Pensyarah Kanan	6	15	26
Pensyarah (Tetap dan Sementara)	18	63	87
Guru Bahasa	8	11	15
Tutor	21 *	42	41
Jumlah Besar	62	151	196

Jadual 2.1: Jumlah Staf Akademik Mengikut Kumpulan Jawatan
Sehingga 31 Disember 2010

Nota :

*13 orang tutor (yang dilantik pada tahun 2008) telah dinaikkan ke jawatan Pensyarah Sementara pada tahun 2009

PROGRAM PEMBANGUNAN STAF AKADEMIK

Perancangan pembangunan staf akademik untuk mendapat PhD adalah seperti di Jadual 2.2.


	2008	2009	2010	2012	2015
Jumlah staf akademik dengan kelayakan PhD	15	28	35	181	533
Jumlah staf akademik (tidak termasuk Guru Bahasa dan Tutor)	26	73	140	416	736
Peratus*	57%	38%	25%	44%**	72%**

Jadual 2.2 : Peratus Staf Akademik dengan Kelayakan PhD

*Peratusan staf akademik kelayakan PhD berbanding jumlah semua staf akademik

**Sasaran peratusan staf akademik kelayakan PhD berbanding jumlah semua staf akademik





CUTI BELAJAR

UMK telah menghantar staf akademik (Tutor dan Pensyarah Sementara) untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) di bawah Skim SLAB/SLAI dan tajaan lain. Maklumat lanjut berhubung program cuti belajar adalah seperti dalam Jadual 2.3 dan 2.4.

Peringkat Pengajian	Dalam Negeri	Luar Negara	Jumlah
Ijazah Doktor Falsafah	6	16	22
Ijazah Sarjana	20	8	28
JUMLAH	26	24	50

Jadual 2.3 : Jumlah Tutor dan Pensyarah Sementara Yang Mengikuti Pengajian Di Dalam Negeri dan Di Luar Negara (Sehingga 31 Disember 2010)

Perkara	Peringkat Pengajian		Jumlah
	Sarjana	PhD	
Tajaan KPT	26	20	46
Tajaan UMK	0	1	1
Tajaan Lain*	2	1	3
JUMLAH	26	24	50

Jadual 2.4: Jumlah Tutor/Pensyarah Sementara Mengikut Tajaan (Sehingga 31 Disember 2010)

PELANTIKAN PROFESOR / FELO UTAMA

Sehingga tahun 2010 UMK telah melantik dua belas (12) orang profesor/felo utama seperti dalam Jadual 2.5.

Nama Staf	Warganegara	Profesor / Felo Utama	Fakulti / Bidang	Catatan
Prof. Dr. Ibrahim bin Che Omar	Malaysia	Profesor	Agro Industri dan Sumber Asli /Kimia Industri	
Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd Nawi bin Ab. Rahman	Malaysia	Profesor	Keusahawanan dan Perniagaan/Statistik	Telah Ditukar Sementara
Prof. Dr. Mohamed Dahlan bin Ibrahim	Malaysia	Profesor	Keusahawanan dan Perniagaan/Ekonomi	
Prof. Dr. Farok bin Zakaria	Malaysia	Profesor	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/ Pengajian Warisan Melayu	
Prof. Dr. Razak bin Wahab	Malaysia	Profesor	Agro Industri dan Sumber Asli/ Microbiology Forest Product	
Dr. Sapto Joewono Poerwovidagdo	Indonesia	Felo Utama	Keusahawanan dan Perniagaan/Illu Ekonomi	
Prof. Othman bin Mansor	Malaysia	Profesor	Perubatan Veterinar/Anatomji	
Dr. Mohd Azam Khan bin Goriman Khan	Malaysia	Felo Utama	Perubatan Veterinar/ Pemakanan Haiwan	
Dato' Dr. Adi bin Hj Taha	Malaysia	Felo Utama	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan/Arkeologi	
Prof. Dr. Imad Ibrahim Ali Al-Sultan	Iraq	Profesor	Perubatan Veterinar/Pathologi	
Abdul Hamid bin Mohamed	Malaysia	Felo Utama	Keusahawanan dan Perniagaan/Pemasaran dan Komunikasi	Telah Tamat
Prof. Awang Soh bin Mamat	Malaysia	Profesor	Agro Industri dan Sumber Asli/ Teknologi Kultur Tisu	

Jadual 2.5: Senarai Profesor/Felo Utama Sehingga Disember 2010

STAF AKADEMIK TAMU

UMK telah melantik sepuluh orang staf akademik tamu (perkhidmatan kurang dari 1 tahun) dari luar negara sehingga Disember 2010 seperti dalam Jadual 2.6.

Nama Staf	Warganegara	Fakulti / Bidang	Catatan
Donny Adriansyah bin Nazarudin	Indonesia	Agro Industri dan Sumber Asli/ Geosains	
Prof. Dr. A.S.M. Woobaidullah	Bangladesh	Agro Industri dan Sumber Asli/ Geofizik	
Dr. Nguyen Luong Ngoc	Vietnam	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/ Bahasa Vietnam	Telah ditukar pelantikan kepada kontrak
Dodi Sutianto	Indonesia	Teknologi Kreatif dan Warisan/ Komunikasi Visual	
Gihon Nugrahadi	Indonesia	Teknologi Kreatif dan Warisan/ Teknologi Produk	
Prof. Dr. Imad Ali Al-Sultan	Iraq	Fakulti Perubatan Veterinar/ Perubatan Veterinar	Telah ditukar pelantikan kepada kontrak
Prof. Dr. Mudjiahid Ahmad Djojosugito	Indonesia	Agro Industri dan Sumber Asli/ Sains Perubatan	Telah tamat
Prof. Dr. Sapto Joewono Poerowwidgdo	Indonesia	Keusahawanan dan Perniagaan/ Logistik	Telah ditukar pelantikan kepada kontrak
Dr Patcharee Jampa	Thailand	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/ Bahasa Thai	Telah tamat
Nakawat Sareh	Thailand	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/ Bahasa Thai	Telah tamat

Jadual 2.6: Senarai staf akademik tamu

STAF ANTARABANGSA

Sehingga tahun 2010, UMK telah melantik dua puluh empat (24) orang staf antarabangsa seperti yang dilunjukkan dalam Jadual 2.7.

Nama Staf	Warganegara	Fakulti / Bidang	Catatan
Sybille Herzog	Jerman	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/Bahasa Jerman	Kontrak
Prof. Madya Dr. Md Ruhul Amin	Bangladesh	Agro Industri dan Sumber Asli/Permanian Berhadas	Kontrak
Palimoh Sama-ae	Thailand	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/Bahasa Thai	Kontrak
Dr. Sapto Joewono Poerowwidagdo	Indonesia	Keusahawanan dan Perniagaan/Ilmu Ekonomi	Kontrak
Dr. Yohan Kurniawan	Indonesia	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/Psikologi	Kontrak
Mika Kitahara	Jepun	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/Bahasa Jepun	Kontrak
Prof. Madya Dr. Aung Tun Khaing	Myanmar	Perubatan Veterinar/Veterinar	Kontrak
Arham Muchtar Achmad Bahar	Indonesia	Agro Industri dan Sumber Asli/Urban & Regional Planning	Kontrak
Dr. Nguyen Luong Ngoc	Vietnam	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/Bahasa Vietnam	Kontrak
Donny Adriansyah bin Nazarudin	Indonesia	Agro Industri dan Sumber Asli/Geosains	Tamu
Prof. Dr. A.S.M. Woobaidullah	Bangladesh	Agro Industri dan Sumber Asli/Geofizik	Tamu
Dodi Sulianto	Indonesia	Teknologi Kreatif dan Warisan/Komunikasi Visual	Tamu

Nama Staf	Warganegara	Fakulti / Bidang	Catatan
Gihon Nugrahadi	Indonesia	Teknologi Kreatif dan Warisan/ Teknologi Produk	Tamu
Andrew Nicholas Williams	United Kingdom	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/ Bahasa Inggeris	Kontrak
Dr. Naila Aaijaz	India	Keusahawanan dan Perniagaan/ Ekonomi	Kontrak
Prof. Madya Dr. Anton Adibroto	Indonesia	Keusahawanan dan Perniagaan/ Pengurusan Strategik	Telah Tamat
Dr. Alireza Badiei	Iran	Perubatan Veterinar/Imunologi	Kontrak
Prof. Dr. Imad Ibrahim Ali Al-Sultan	Iraq	Perubatan Veterinar/Patologi	Kontrak
Hasan Muhammad Ma Liwu	China	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/ Bahasa Mandarin	Kontrak
Dr. Dwi Susanto	Indonesia	Agro Industri dan Sumber Asli/ Bioteknologi Tumbuhan	Kontrak
Prof. Dr. Mudjtahid Ahmad Djojosugito	Indonesia	Agro Industri dan Sumber Asli/ Sains Perubatan	Telah Tamat
Prof. Dr. Sapto Joewono Poerwowidgdo	Indonesia	Keusahawanan dan Perniagaan/ Logistik	Kontrak
Dr. Patcharee Jampa	Thailand	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/ Bahasa Thai	Telah Tamat
Nakawat Sareh	Thailand	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah/ Bahasa Thai	Telah Tamat

Jadual 2.7: Senarai staf antarabangsa


SANJUNGAN AKADEMIK

Sanjungan akademik merujuk pengiktirafan yang diberikan kepada staf dari kalan-jan komuniti akademia yang telah menunjukkan keupayaan untuk memimpin kelompok akademiknya. Kriteria sanjungan dinilai sama ada dari segi penilaian tesis, artikel, jurnal kenaikan pangkat, penilaian kertas kerja, penglibatan dalam persatuan akademik dan profesional, syarahan undangan, ucapan utama, dilantik sebagai ahli lembaga penyunting jurnal dan sebagainya. Pengiktirafan telah diberi kepada beberapa staf yang berpotensi dan berjaya seperti jadual berikut:

Bil.	Nama Staf	
1.	Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai Mohamed	Prosefor Adjung di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
2.	Prof. Dr. Ibrahim Che Omar	Anugerah Gemilang Universiti (Khas Universiti)
3.	Prof. Dr. Mohamed Dahlan Ibrahim	Anugerah Gemilang Universiti (Keusahawanan Universiti)
4.	Prof. Madya Abdul Aziz Ab Latif	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
5.	Prof. Madya Dr. Ghazali Ahmad	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
6.	Dr. Mohd Rafi Yaacob	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
7.	Tn. Hj. Fauzi Ab. Llah	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
8.	En. Ahamad Tarmizi Azizan	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
9.	En. Aweng A/L Eh Rak	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
10.	Pn. Marinah Muhammad	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
11.	Dr. Nur Azuki Yusoff	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
12.	Pn. Linira Ghazali	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang


Jadual 2.8: Senarai Staf yang Mendapat Pengiktirafan





“We develop our own Creative System and Technology in Les’ Copaque and in fact the technologies which we are utilizing in producing Upin and Ipin have actually made it become the most popular and successful animation icon in Malaysia. As a team, we are extremely proud of it.”

- Haji Burhanuddin bin Mat Radzi
Managing Director Les’ Copaque Sdn Bhd
25 Julai 2009



PROGRAM PENGAJIAN, ENROLMENT DAN PENYAMPAIAN

PROGRAM PENGAJIAN DAN ENROLMENT

JAMINAN KUALITI AKADEMIK

INPUT INDUSTRI DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN (P&P)

KAEDAH PENYAMPAIAN

PRASARANA PEMBELAJARAN

PEMBUDAYAAN ILMU

KO-KURIKULUM

PROGRAM PENGAJIAN, ENROLMEN DAN PENYAMPAIAN



Sebagai sebuah Universiti Keusahawanan, 10% kurikulum pengajian yang ditawarkan di UMK adalah kursus keusahawanan. Ini bermaksud semua fakulti dan pusat pengajian mestilah menekankan kursus keusahawanan dalam semua program yang dirancang untuk melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri dan nilai keusahawanan dan tidak bergantung kepada penawaran kerja di agensi kerajaan atau swasta semata-mata. Bagi mencapai tujuan ini, pelajar UMK turut diberi latihan keusahawanan yang khusus secara berstruktur seperti Student In Enterprise Programme (SIEP) dan program Social Enterprise for Economic Development (SEED) untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman.


PROGRAM PENGAJIAN DAN ENROLMENT

PROGRAM PENGAJIAN

Sehingga tahun 2010, Universiti Malaysia Kelantan menawarkan 14 program pengajian di peringkat ijazah sarjana muda (prasiswazah) di empat buah fakulti seperti Jadual 3.1.

Bil.	Nama Program	Fakulti	Tahun Penawaran
1.	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Perdagangan) dengan Kepujian	FKP	2007
2.	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Pelancongan) dengan Kepujian		2008
3.	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Hospitaliti) dengan Kepujian		2009
4.	Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Keusahawanan Kesihatan) dengan Kepujian		2009
5.	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Keusahawanan Teknologi Pertanian) dengan Kepujian	FASA	2007
6.	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Peternakan) dengan Kepujian		2008
7.	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Sumber Asli) dengan Kepujian		2008
8.	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bioindustri) dengan Kepujian		2008
9.	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Sains Kelestarian) dengan Kepujian		2009
10.	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Geosains) dengan Kepujian		2009
11.	Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Pembangunan Produk) dengan Kepujian	FTKW	2009
12.	Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Kepujian		2007
13.	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian		2007
14.	Ijazah Sarjana Muda Perubatan Veterinar	FPV	2009

Jadual 3.1 : Program yang ditawarkan oleh setiap fakulti



Universiti juga telah mendapat kelulusan untuk menawarkan tiga lagi program mulai sesi 2011/2012 iaitu:

- i. Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) dengan Kepujian
- ii. Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Peruncitan) dengan Kepujian
- iii. Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Logistik dan Perniagaan Pengedaran) dengan Kepujian

Di samping itu, Universiti Malaysia Kelantan telah menawarkan 68 bidang penyelidikan bagi Program Pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah melalui mod penyelidikan sepenuhnya.

ENROLMENT PELAJAR

Enrolmen pelajar prasiswazah pada tahun 2010 ialah 1786 orang. Pelajar baharu prasiswazah UMK yang mendaftar dalam sesi 2010/2011 mengikut Fakulti adalah seperti dalam Jadual 3.2.

Bil.	Fakulti	Bil. Pelajar
1.	Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA)	227
2.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP)	210
3.	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)	143
4.	Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)	43
Jumlah pelajar baru prasiswazah yang mendaftar dalam Sesi Akademik 2010/2011		623

Jadual 3.2 : Jumlah Pelajar Baharu Prasiswazah yang Mendaftar Dalam Sesi 2010/2011

Selain itu, jumlah pelajar pasca siswazah yang mendaftarkan diri dalam Semesler Julai Sesi Akademik 2010/2011 dan Semester Disember Sesi Akademik 2010/2011 adalah seramai 43 orang pelajar, iaitu dengan pecahan 31 orang pelajar bagi program pengajian Sarjana manakala 12 orang pelajar lagi untuk program Doktor Falsafah. Pecahan pelajar baru pasca siswazah yang mendaftar dalam Sesi Akademik 2010/2011 mengikut fakulti dan peringkat pengajian adalah seperti di Jadual 3.3.


Bil.	Fakulti	Bilangan Pelajar	
		Sarjana	Doktor Falsafah
1.	Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA)	6	6
2.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP)	13	0
3.	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKw)	10	6
4.	Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)	2	0
Jumlah pelajar baru pasca siswazah yang mendaftar dalam Sesi Akademik 2010/2011		31	12

Jadual 3.3 : Pecahan Pelajar Baru Pasca Siswazah Yang Mendaftar Dalam Sesi Akademik 2010/2011 Mengikut Fakulti Dan Peringkat Pengajian

Jadual 3.4 menunjukkan enrolmen pelajar prasiswazah mengikut fakulti dalam Sesi 2010/2011.

Bil.	Fakulti	Bil. Pelajar
1.	Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA)	609
2.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP)	576
3.	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKw)	527
4.	Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)	74
Jumlah enrolmen pelajar prasiswazah pada Sesi Akademik 2010/2011		1786

Jadual 3.4 : Enrolmen Pelajar Prasiswazah Mengikut Fakulti Dalam Sesi 2010/2011




Carta 3.2: Enrolmen Pelajar Pasca Siswazah Universiti Malaysia Kelantan Mengikut Fakulti Pada Tahun 2008, 2009 Dan 2010

PENGAMBILAN PELAJAR ANTARABANGSA

Bermula tahun 2009 hingga tahun 2010, seramai enam orang pelajar antarabangsa telah diterima masuk dan mendaftar sebagai pelajar Universiti Malaysia Kelantan. Pecahan pelajar berkaitan mengikut fakulti, negara dan peringkat pengajian adalah seperti di Jadual 3.6.

Bil.	Fakulti	Negara	Bilangan Pelajar		
			Sarjana Muda	Sarjana	Doktor Falsafah
1.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan	Iraq	1	-	-
2.	Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli	Indonesia	-	1	-
3.	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan	Thailand & Iraq	1	-	1
4.	Fakulti Perubatan Veterinar	Iraq & Myanmar	-	2	-
Jumlah pelajar antarabangsa dalam Sesi Akademik 2010/2011			2	3	1

Jadual 3.6: Pecahan Pelajar Antarabangsa Mengikut Fakulti, Negara dan Peringkat Pengajian Dalam Sesi Akademik 2010/2011



PENAWARAN KURSUS BAHASA ASING

Bermula semesier Julai sesi akademik 2010/2011, Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah telah menawarkan kursus Bahasa Jerman sebagai tambahan kepada kursus bahasa asing yang telah sedia ada.



JAMINAN KUALITI AKADEMIK

AUDIT PRESTASI AKADEMIK (APA)

Satu lawatan penentuan pencapaian audit institusi bagi Universiti Malaysia Kelantan telah diadakan oleh Agenzia Kelayakan Malaysia (MQA) pada 12 - 14 Mac 2010. Lawatan audit selama tiga hari tersebut adalah bertujuan bagi membuat penilaian Audit Prestasi Akademik (APA) bagi Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Berdasarkan laporan hasil audit tersebut, beberapa perkara telah dicadangkan oleh MQA untuk tujuan penambahbaikan di UMK. Cadangan tersebut merangkumi perkara-perkara seperti program pengajian, penyelidikan, penerbitan, pembangunan pengajaran dan pembelajaran, pengajian pasca siswazah dan juga pentadbiran Universiti. Secara keseluruhannya, laporan yang diterima adalah memuaskan dengan mengambil kira UMK sebagai universiti yang baharu.

SISTEM PENARAFAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA (SETARA)

Sistem Penarafan Pengajian Tinggi Malaysia 2009 (SETARA 09) Agenzia Kelayakan Malaysia mengukur kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat Ijazah Pertama bagi Universiti dan Kolej Universiti di Malaysia.


Instrumen SETARA 09 meliputi tiga dimensi generik iaitu input, proses dan output untuk menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran. Dimensi input menerangkan bakat, sumber dan governans. Dimensi proses menumpukan kepada kurikulum dan dimensi output berkaitan kualiti graduan.

SETARA 09 mengklasifikasi penarafan kepada enam tahap (Tiers) dengan tahap 6 sebagai tahap tertinggi (Terbilang) dan tahap 1 sebagai yang paling rendah (Lemah). Pada SETARA 09 UMK tidak diberikan penarafan kerana merupakan institusi yang baharu dan masih belum ada pelajar tahun akhir.

MYMOHES

Sistem MyMohes yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi adalah bertujuan untuk memperbaiki kualiti data melalui analisis yang telah dihasilkan oleh Universiti merangkumi data pelajar, staf, penyelidikan, dan maklumat institusi.

KPT telah memperkenalkan kaedah penarafan bintang (star rating) yang bertujuan untuk melihat tahap kesediaan IPTA dalam pengurusan dan pembekalan data ke sistem MyMohes mengikut tempoh masa, kesempurnaan data yang diminta dan kualitinya. Bagi tahun 2010 UMK telah berjaya mendapat keputusan penarafan empat bintang bagi penghantaran data Semester Satu Sesi 2010/2011 ke sistem MyMohes.



PENGIKTIRAFAN PROGRAM

Pada tahun 2010, Universiti telah berjaya mendapatkan kelayakan pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) bagi program Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan (Keusahawanan Teknologi Pertanian) dengan Kepujian yang telah ditawarkan kepada pelajar angkatan pertama UMK bagi sesi kemasukan 2007/2008 di Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli.



INPUT INDUSTRI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P)


Universiti telah menetapkan dasar berkaitan input industri dalam pengajaran dan pembelajaran, iaitu menjemput tokoh daripada industri atau agensi lain untuk memberikan syarahan/ceramah kepada pelajar tentang aplikasi industri dan teknologi terkini dalam bidang yang berkaitan. Jadual 3.7 menunjukkan rekod penglibatan pihak industri dalam pengajaran dan pembelajaran.

FAKULTI AGRO INDUSTRI DAN SUMBER ASLI		
Bil.	Penceramah	Tajuk Ceramah
1.	Dr. Sivapragasam Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	Potential Of Cultivating Jatropha and Its Uses As Bio-Fuel: Recent Advances
2.	Ustaz Mohd Amri Abdullah Halal Industry Development Corporation	Pembangunan Produk Halal
3.	Mr. Kit Chan K-Farm	Changing Trends of Agri-Food Supply Chain in The Asia-Pacific Region
4.	En. Ramli Kamal Chemical Company of Malaysia Berhad	Support Plan for Undergraduates
5.	Datuk Wahiruddin Abd. Wahid SHELL Malaysia	Energy Challenge – Shell's Perspective
6.	Dr. Ahmad Hazri Ab Rashid SIRIM Berhad	Wealth Creation Through Industrial Biotechnology
7.	Dato' Dr. Halim Hamat OmegaPoint Capital Sdn Bhd	Pengalaman Perniagaan OmegaPoint Capital Sdn Bhd
8.	Sheikh Hj. Ahmad Dusuki B. Sheikh Mohamad Muslim Best Marketing (M) Sdn Bhd	Pengalaman Perniagaan Muslim Best Marketing (M) Sdn Bhd
9.	Tuan Syed Zikri B. Syed Hassan Shahabudin Pengurus Besar Pertanian ECERDC	Peranan ECERDC dalam Pembangunan Wilayah Pantai Timur
10.	Prof. Madya Khalip Abdul Raffar HSRL Plantation Sdn. Bhd.	Teknologi Kultur Tisu
11.	Pn. Ng Siow Leng Cargill Feed Sdn Bhd	Teknologi Makanan Ternakan
12.	En. Mohamad Nor Awang Kejuruteraan Asas Jaya Sdn Bhd	Teknik Dalam Analisis Alam Sekitar
13.	En. Mohd Azhar Ab. Shatar Jabatan Alam Sekitar, Petronas Penapisan Melaka Sdn Bhd	Proses Hiliran
14.	En. Hasril Ahmad Bahagian Kawalan Racun Perosak, Jabatan Pertanian Kelantan	Bahan Kimia Dalam Pertanian
15.	En. Shawal Tembol Ilham SH Aqua & Trading	Ekonomi dan Pemasaran Penternakan

FAKULTI AGRO INDUSTRI DAN SUMBER ASLI		
Bil.	Penceramah	Tajuk Ceramah
16.	En. Jeremy Ngim Chin Keong SYNGENTA Crop Protection Sdn Bhd	Pengurusan Ladang dan Perkebunan
17.	En. Mohd Khairol Mohd. Ariff MARDI Kuala Lumpur	Peningkatan Skala Teknologi Pertanian
18.	En. Kamal Ahmad Milatu ISP Management (M) Sdn Bhd	Biologi Tanaman Ekonomi
19.	En. Ahmad Rosli Othman Jabatan Minerologi dan Geosains	Paleontologi
20.	Pn. Hajjah Zainab Abdul Majid Jabatan Pertanian Negeri Kelantan	Perlindungan Tanaman
21.	En. Airiz Firdaus MIDA Negeri Kelantan	Peranan MIDA dalam Sektor Perindustrian dan Perkhidmatan
22.	En. Roslaini Abdul Ghani Ikhlas Rasmi Malaysia Sdn. Bhd	Peluang Perniagaan Dalam Industri Air Buangan Industri
23.	En. Danny Chew Borneo Tourism Institute Malaysia	Nature Tourism in Malaysia
24.	Pn. Wan Normah Wan Ismail Jabatan Pertanian	Producing Agricultural Products In The Global Market: Meeting International Standards And Protocols
25.	En. Konasagaran A/L Koothayan Objektif Unggul Sdn Bhd	Fertigation using Autopot for Rockmelon
26.	En. Shamsul Azhar Ismail Wiranda (M) Sdn Bhd	Challenges Facing Environmental Consultant
27.	En. Sahibol Anwar Arba'e MU Arowana Akuakultur	Penternakan Ikan Eksotik
28.	Haji Mohd Sabri Razali Kijang Kuari Sdn Bhd	Keusahawanan Sumber Asli dalam Industri Kuari
29.	En. Abu Zahrim Ismail Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN)	Wild Animal & Conservation

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN		
Bil.	Penceramah	Tajuk Ceramah
1.	Datin Waveney Jenkins OBE Pengerusi Kandis Resource Center	The Myth Of The Superiority Of Modernity Versus The Reality Of The Teaching Of The Past
2.	Prof. Madya Dr. Abu Hassan Hasbullah Pensyarah Jabatan Pengajian Media UM	Dari Produksi Idea Ke Distribusi Pasaran
3.	Tn. Hj Ariffin Said	Malam Gema Puisi Tradisi Lisan
4.	Encik Ahmad Zakie Ahmad Sharif Ketua Pegawai Eksekutif FA Securities Sdn. Bhd.	Peluang Buka Lapangan Kerja Sendiri Untuk Jadi Usahawan Kreatif
5.	En. Wan Mohd Ariffin Wan Long Pengerusi Eksekutif Noor Arfa Batek Sdn. Bhd.	Isu, Cabaran Dan Peluang dalam Mempromosikan dan Memasarkan Produk Warisan ke Pasaran Antabangsa
6.	En. Mohamad Sobri Abu Bakar Pengurus Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad	Product Design in Creative Industry

FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN		
Bil.	Penceramah	Tajuk Ceramah
1.	En. Chan Chuen Ung Four Seasons	Pengalaman Seorang Usahawan
2.	Tn. Hj. Sulaiman Ismail Kementerian Pelancongan	Perkembangan Sektor Industri Pelancongan Pengkhususan di Negeri Kelantan
3.	Dr. Yoo Taek-Lee Bobson College	Entrepreneurship Education
4.	Puan Noraini Soltan Sipro Plastic Sdn. Bhd.	Pengalaman Seorang Usahawan
5.	Dato' Mohd Shukor Omar KMB Educational Services Sdn. Bhd.	Malays And Entrepreneurship - Present And Future Challenges
6.	En. Nick Papps Kedutaan Amerika Syarikat	The Power Of Partnership
7.	En. Mohd Rozaidi Ishak Institut Integriti Malaysia	Corporate Integrity & Corporate Responsibility Agenda: An Intellectual Discourse



FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

Bil.	Penceramah	Tajuk Ceramah
8.	En. Azryaim Borhan Suruhanjaya Syarikat Malaysia	Corporate Integrity & Corporate Responsibility Agenda: An Intellectual Discourse
9.	En. Juriman Ismail Director & Public Affairs Possimo Technologies Sdn. Bhd	Perkongsian Kisah Kejayaan
10.	Dr. Abdul Aziz Azimullah CEO Entrepreneurs Development Institute Sdn Bhd & Pengasas Dr.Azimuth Bioherbal	Membina Minda Usahawan Global
11.	En Abd. Rahman Mohd Ali Ketua Pegawai Eksekutif Polo Travels & Tours Sdn Bhd	Adab Dalam Perniagaan Usahawan Berjaya
12.	Datuk Zahari Omar Ketua Pegawai Eksekutif Uda Ocean Superstore Sdn. Bhd	Retailing And Its Challenges
13.	Roshaikan Ramli Marketing Executive Nza Vacation & Services Sdn.Bhd	Creating Tourism Product
14.	Cik Junaida Abdul Aziz Pengurus Jualan Grand Riverview	Travel Packages
15.	Mohd Nazri Abdullah Pengarah East Computech System Sdn Bhd	Bagaimana Untuk Menjadi Usahawan Berjaya Dalam Tempoh 5 Tahun
16.	Gan Tong Huat Branch Manager Multi Purpose Sdn Bhd	Bagaimana Untuk Menjadi Pengurus Syarikat Multi Nasional Dalam Masa 5 Tahun
17.	Dr. Razali Shahul Hameed Pengarah Urusan	Gelagat Usahawan
18.	En. Abd Aziz Abd Rahim Ketua Jabatan Pengurusan Sumber Manusia Hospital Pakar Perdana Sdn. Bhd	Pengurusan Sumber Manusia
19.	En. Mohd Pakhrurazi Mohd Sharif Branch Manager Puspakom Kota Bharu	Isu Semasa Dalam Perdagangan
20.	Shah Khan Networker Monavie	Usahawan Global Bermula Dari UMK

FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN		
Bil.	Penceramah	Tajuk Ceramah
21.	En. Mohd Nor Jusoh Pengurus Agensi American International Assurance Berhad	Usahawan Insurans
22.	Dr. Nik Hasfizul Safuri Hasan Ketua Pegawai Eksekutif Sukimi Oil Sdn Bhd	Perancangan Tunai
23.	En. Mat Razami Zakaria Ketua Pegawai Eksekutif Mrz Services & Marketing	Perdagangan Perkhidmatan
24.	Datin Nor Asikin Hj Ahmad Penolong Kanan Pengarah Kastam Kastam Di Raja Malaysia	Perdagangan Logistik Dan Pengedaran

FAKULTI PERUBATAN VETERINAR		
Bil.	Penceramah	Tajuk Ceramah
1.	Tan Sri Dato' Dr. Ahmad Mustaffa Babjee Akademi Sains Malaysia	Excelling In Your Profession Dan Naturotechnology For Sustainable Products, Processes And Organizations
2.	Dato' Dr. Mohd Zairi Hj. Serlan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan	Kepeninggan Perubatan Veterinar
3.	Hjh. Aziron bt. Abdullah Makmal Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan	Kesihatan Awam Veterinar
4.	Pn. Hajah Normala Tukiban Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan	Kacukan Lembu Tempatan, Penjantan Import Di Negeri Kelantan Dan Teknik Pembiakan Yang Digunakan
5.	Dr. Maizab Mohammad Universiti Sains Malaysia (USMKK)	Laboratory Diagnosis Of Viruses
6.	Tn. Hj. Noor Rahim bin Sharif Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya	Ekonomi Ladang Dan Pelan Perniagaan Produksi Ruminan
7.	Dr. Lee Chai Ha Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya	Produksi Dan Pengurusan Ternakan Khinzir Di Malaysia
8.	Ustaz Shaari bin Awang Isa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan	Ceramah Samak : Kaedah Penyucian Diri Setelah Mengendalikan Anjing & Khinzir

INSTITUT PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA		
Bil.	Penceramah	Tajuk Ceramah
1.	Y.Bhg Dato' Hussamuddin Hj. Yaacub CEO, Managing Director/ Publisher Kumpulan Karangkraf Sdn.Bhd.	Managing Family Business, Issues and Challenges
2.	Puan Hjh. Faiza Bawumi Sayed Ahmad Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Faiza Sdn.Bhd.	Product Strategy and Supply Chain
3.	Y. Bhg. Dato' Syed Manshor Syed Mahmood Founder/ Managing Director Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd.	Competitiveness in The Halal Food Industry in Malaysia: Issues, Challenges and Opportunities

PUSAT PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSANIAH		
Bil.	Penceramah	Tajuk Ceramah
1.	Dr. Gerald Knowls	Program Step Forward & Step Up
2.	Dr. Wan Hasnan Wan Idris	Ceramah Etika, Profesional dan Moral

Jadual 3.7: Tokoh Industri yang Memberi Syarahan dalam Pengajaran pada tahun 2010



Selain daripada menjemput tokoh industri memberikan input kepada pelajar di Universiti atau semasa penganjuran sesuatu program, pelajar-pelajar juga diberikan pendedahan kepada industri secara efektif dan hands on melalui aktiviti lawatan lapangan atau lawatan industri. Sepanjang tahun 2010, sebanyak 87 lawatan ke lapangan/industri telah berjaya dijalankan oleh Fakulti. (rujuk Jadual 3.8)

Bil.	Fakulti	Bilangan Lawatan ke Lapangan/ Industri
1.	Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA)	47
2.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP)	10
3.	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)	9
4.	Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)	21
Jumlah		87

Jadual 3.8: Bilangan Lawatan Lapangan/Industri mengikut Fakulti bagi tahun 2010

KAEDAH PENYAMPAIAN

LATIHAN INDUSTRI


Latihan Industri merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di UMK. Setiap pelajar peringkat prasiswazah wajib menjalani Latihan Industri yang menjadi sebahagian daripada syarat untuk pengijazahan. Objektif program Latihan Industri adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang peranan dan amalan sebenar sesuatu industri atau perusahaan. Dalam program ini, pelajar dikehendaki memahami peranan semua pemain dalam sesebuah industri yang terdiri daripada usahawan, pengusaha, peniaga, pakar kewangan dan individu terlibat dalam pembangunan dan pemasaran sesuatu produk.

Bil.	Fakulti	Bilangan Pelajar
1.	Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA)	44
2.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP)	88
3.	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW)	84
4.	Fakulti Perubatan Veterinar (FPV)	39
Jumlah		255

Jadual 3.9: Bilangan pelajar yang menjalani Latihan Industri mengikut Fakulti bagi tahun 2010

STUDENTS IN ENTERPRISE PROGRAMME (SIEP)

- Datuk Zahari bin Omar
Chairman of UO Superstore Sdn Bhd
Prime Entrepreneurial Lecture Series (PELS)
27 February 2010



PUSAT KECEMERLANGAN

ECER-KPT-UMK

INSTITUT PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (ISME)

PUSAT KECEMERLANGAN



Motivasi utama penubuhan pusat kecemerlangan (CoE) adalah untuk perkongsian ilmu keusahawanan dengan masyarakat melalui pendedahan pembudayaan nilai-nilai keusahawanan. Antara pusat kecemerlangan yang ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti bagi melatih dan membimbing usahawan dalam bidang agrousahawan ialah seperti Pusat Kerjasama Akademia Industri, Pusat Kebudayaan & Warisan, Pusat Latihan Keusahawanan & Pengurusan, Pusat Kecemerlangan untuk Latihan dan Penyelidikan Industri Penternakan serta Institut Perusahaan Kecil Dan Sederhana (ISME).

EAST COAST ECONOMIC REGION – KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI – UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (ECER-KPT-UMK)

PUSAT KERJASAMA AKADEMIA INDUSTRI

Penyelaras : Prof. Dr. Hj. Ibrahim Che Omar

Pembangunan perindustrian menjadi salah satu pengukur utama prestasi dalam pembangunan ekonomi ECER. Setiap pusat kecemerlangan ECER akan memainkan peranan sebagai Pusat Kerjasama Industri - Akademia. Kunci kejayaan pusat-pusat kecemerlangan ECER ini didasarkan atas kerjasama erat antara semua IPTA di ECER. Antara intipati kritisik kerjasama tersebut ialah penglibatan kepakaran daripada semua pihak termasuk penghasilan komoditi, pemindahan teknologi, inovasi dan kreativiti, pengurusan, keusahawanan dan modal insan yang berkemahiran tinggi. Dengan itu, pusat yang berperanan sebagai pusat rujukan utama industri ini diwujudkan bagi menyokong semua aktiviti sosioekonomi yang dijalankan di ECER. Kerjasama ini berujuan untuk memastikan segala aktiviti sosioekonomi dapat didukung dengan kukuhnya bagi menjayakan aktiviti ekonomi wilayah.

Peranan

- Menyediakan pusat maklumat/pangkalan data tentang industri di ECER dalam semua bidang aktiviti ekonomi;
- Sebagai penghubung dan penyelaras dalam jalinan kerjasama antara akademia, pusat kecemerlangan dan industri bagi menterjemahkan hasil dan penemuan, serta penyelidikan bagi aktiviti ekonomi; dan
- Mewujudkan jalinan strategik dengan industri.


PUSAT KEBUDAYAAN DAN WARISAN

Penyelaras : Prof. Dr. Farok Zakaria

Kebudayaan dan kesenian merupakan elemen tersendiri yang menonjolkan keunikan ECER. Untuk memperoleh manfaat yang optimum, kegemilangan seni dan budaya tempatan perlu dipulihkan. Pusat sehentii ini bertanggungjawab dalam pemeliharaan, pemuliharaan dan pengkomersialan usaha untuk semua aktiviti kebudayaan dan warisan. Secara tidak langsung, ini akan membantu usaha untuk meningkatkan aktiviti industri pelancongan.

Peranan

- Menjalankan penyelidikan dan pembangunan kebudayaan dan warisan serta menawarkan khidmat nasihat dalam bidang tersebut;
- Memelihara dan memulihara industri warisan di ECER; dan
- Membentuk jaringan dengan penggiat seni warisan dalam inovasi dan pengkomersialan barang yang berkaitan dengan kebudayaan dan warisan. Projek: Profiling of Craft Producers in ECER: Phase 1 (Batik and Songket).



PUSAT LATIHAN KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN

Penyelaras : Prof. Madya Abdul Aziz Ab. Latiff

Keusahawanan merupakan satu aktiviti yang boleh menjana pendapatan dan membuka peluang pekerjaan kepada semua peringkat masyarakat termasuk remaja dan wanita. Pusat ini menyokong teras pembangunan sosioekonomi pelan induk pembangunan ECER melalui perkhidmatan dan penglibatan komuniti usahawan yang menjurus kepada perdagangan dan perindustrian di kawasan pembangunan ECER.

Peranan

- Menjalankan program pengajian sepanjang hayat dalam bidang keusahawanan dan pengurusan;
- Meningkatkan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana melalui latihan usahawan yang berpengetahuan, berkemahiran serta berdaya maju; dan
- Menjalankan program perundingan secara khusus sepanjang rantai nilai.

PUSAT KECEMERLANGAN UNTUK LATIHAN DAN PENYELIDIKAN INDUSTRI PENTERNAKAN

Penyelaras : Dr. Mohd Azam Khan bin Goriman Khan

Pembentukan Pusat Kecemerlangan di UMK adalah untuk menerajui pembangunan industri ternakan melalui Latihan dan Penyelidikan Ternakan khususnya di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Di peringkat awal ini, Pusat Kecemerlangan ini mempunyai tanggungjawab untuk merubah impian penternak kambing khususnya untuk lebih berjaya dan negara amnya untuk mencapai 35% mampu diri dalam penghasilan komoditi daging kambing menjelang 2020. Dalam jangka masa panjang, ianya akan melibatkan semua industri ternakan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Peranan

- Mewujudkan penternak berpengetahuan “K-Farmers” yang menerapkan kaedah saintifik, teknologi dan amalan penternakan yang baik dalam penternakan mereka.
- Memberikan perkhidmatan perundingan, latihan dan maklumat seperti berkongsi pengetahuan baru dalam pertanian, dasar dan amalan penternakan haiwan yang baik (GAHP) untuk semua projek ternakan ECERDC.
- Memperkenalkan ilmu sains dan teknologi kepada para penternak tempatan bagi meningkatkan produktiviti ternakan mereka.
- Menjadi pusat rujukan untuk genetik ternakan, nasihat kepakaran, masalah produktiviti dan kesihatan haiwan.
- Menyokong dan menggalakkan keusahawanan ternakan, yang tidak hanya terhad kepada promosi dan pemasaran.

Bulan	Tarikh	Program
Januari	05 Jan 20 Jan 31 Jan	- Mesyuarat Konvensyen Keusahawanan ECER-KPT-UMK 2010 Bil.1/2010 - Mesyuarat Konvensyen Keusahawanan ECER-KPT-UMK 2010 Bil.2/2010 - Mesyuarat Konvensyen Keusahawanan ECER-KPT-UMK 2010 Bil.3/2010
Februari	5-6 Feb 08 Feb 11 Feb	- Kursus Sulaman dan Jahitan - Perbincangan Forum Untuk ECER COE KPT di Suria KLCC, Kuala Lumpur - Mesyuarat Konvensyen Keusahawanan ECER-KPT-UMK 2010 Bil.4/2010
Mac	01 Mac 08 Mac 20-22 Mac	- Mesyuarat UMK-KESEDAR di bawah Program ECER Bil.1/2010 - Mesyuarat Konvensyen Keusahawanan ECER-KPT 2010 Bil.5/2010 - Konvensyen Keusahawanan ECER-KPT 2010
April	-	- Tiada Aktiviti
Mei	18-19 Mei	- First National Conference on Natural Resources (NCNR) 2010
Jun	09 Jun 14-15 Jun	- Mesyuarat UMK-KESEDAR di bawah Program ECER Bil.2/2010 - Kursus Motivasi Agropolitan ke Arah Membentuk Masyarakat Cemerlang
Julai	-	- Tiada Aktiviti
Ogos	13-14 Ogos 20-21 Ogos 21-22 Ogos 27-28 Ogos 28-29 Ogos	- SINAR ECER-kelas tuisyen/tutorial (Rantau Manis, Gua Musang) - SINAR ECER-kelas tuisyen/tutorial (Rantau Manis, Gua Musang) - SINAR ECER-kelas tuisyen/tutorial (Runchang, Pekan) - SINAR ECER-kelas tuisyen/tutorial (Rantau Manis, Gua Musang) - SINAR ECER-kelas tuisyen/tutorial (Runchang, Pekan)
September	3-4 Sept 4-5 Sept	- SINAR ECER-kelas tuisyen/tutorial (Rantau Manis, Gua Musang) - SINAR ECER-kelas tuisyen/tutorial (Runchang, Pekan)

Bulan	Tarikh	Program
Oktober	1-2 Okt 2-3 Okt 8 Okt 12 Okt 18-22 Okt 26 Okt 26-28 Okt	<ul style="list-style-type: none"> - SINAR ECER-Interactive Day (Rantau Manis, Gua Musang) - SINAR ECER-Interactive Day (Runchang, Pekan) - Mesyuarat Pembangunan Laman Web - Mesyuarat Dan Lawatan Ke Tapak Projek Akuaponik Di Agropolitan Gua Musang - Latihan Teknikal, Motivasi dan Pembangunan diri untuk Peserta Agropolitan Pekan (Mukim Lepar) - Mesyuarat Dan Lawatan Ke Tapak Projek Akuaponik Di Agropolitan Gua Musang - Regional Network on Poverty Eradication (RENPER)
November	8 Nov 12 Nov 26 -27 Nov	<ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat Pembangunan Laman Web - SINAR ECER-Kids Camp (Runchang, Pekan) - SINAR ECER-Kids Camp (Rantau Manis, Gua Musang)
Disember	6 Dis 13 Dis 20 Dis 28 Dis	<ul style="list-style-type: none"> - Mesyuarat UMK-KESEDAR di bawah Program ECER Bil.3/2010 - Latihan Akuaponik bagi Peserta Agropolitan Kelantan Selatan, Gua Musang - Mesyuarat Penyelarasaran Pusat Kecemerlangan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) - Latihan Akuaponik bagi Peserta Agropolitan Kelantan Selatan, Gua Musang - Latihan Akuaponik bagi Peserta Agropolitan Kelantan Selatan, Gua Musang

Jadual 7.1: Aktiviti ECER-KPT-UMK Sepanjang Tahun 2010

INSTITUT PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (ISME)

Institut Perusahaan Kecil Dan Sederhana (ISME) ditubuhkan bermatlamat melahir dan membangun usahawan berpengetahuan yang mempunyai kebolehan dan kemahiran keusahawanan, inovatif dan berdaya pimpin yang tinggi dalam perancangan, pengurusan, pengurusan kewangan, sumber manusia serta pemasaran demi kesejahteraan kepada agama, bangsa dan Negara. Sehubungan itu, bagi merealisasikan hasrat ini, ISME telah menjalankan peranan seperti berikut:

Peranan ISME:

Penghubung antara Universiti dan industri / masyarakat dalam usaha membantu merealisasikan masyarakat keusahawanan.


Sehubungan itu, untuk merealisasikan visi dan misi UMK, Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana (ISME) sebagai pusat kecemerlangan telah melaksanakan beberapa program sepanjang 2010 seperti Jadual 7.2.

Bulan	Tarikh	Program
Januari	10, 17 dan 24 Jan 28-30 Jan	- Program Internship Pelajar di Industri (Siri Pertama Tahun 2010) - Bengkel Penulisan Kajian Kes (Siri Pertama Tahun 2010) Di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu
Februari	4 Feb 6 Feb 6 Feb 16-18 Feb 7,14 dan 21 Feb 25 Feb	- Program Academic Discourse oleh Y. Bhg. Tan Sri Anuwar Ali (CEO, Open University Malaysia) Di Hotel Renaissance, Kota Bharu - Program Bicara Santai Bersama Y. Bhg. Dato' Hussamuddin B. Yaacub (CEO, Kumpulan Karangkraf) Di Dewan Kuliah 3, UMK - Program Chairman Lecture Series 11 oleh Y. Bhg. Dato' Hussamuddin B. Yaacub (CEO, Kumpulan Karangkraf) dan Prof. Madya Dr. Anton Adibroto (FKP) di Hotel Renaissance, Kota Bharu - Program Konvensyen dan Karnival Keusahawanan Siswa IPTA Peringkat Nasional Kali Ke-7 (Karniawan) di Dewan Terbuka dan Dataran Pelajar UMK - Program Internship Pelajar di Industri (Siri Kedua Tahun 2010) - Majlis Penyerahan Mou dan Penyerahan Dana Program Internship UMK oleh SME Corp di Kelantan Trade Centre

Bulan	Tarikh	Program
Mac	11 Mac 27 Mac	<ul style="list-style-type: none"> - Program Sesi Dialog Usahawan IKS/ EKS di Negeri Kelantan Bersama Y.B. Dato' Mukhriz Tun Dr. Mahathir (Timbalan Menteri Perdagangan), MITI di Dewan Terbuka UMK - Program Chairman Lecture Series 12 oleh Y. Bhg. Puan Faiza Bawumi bt. Sayed Ahmad (CEO, Kumpulan Syarikat Faiza) dan Dr. Ghazali b. Ahmad (FKP) di Hotel Renaissance, Kota Bharu
April	27 April	<ul style="list-style-type: none"> - Program Sesi Hi-Tea Bersama Usahawan: Dr. Nik Aziz b. Nik Yacob
Mei	6 dan 11 Mei 10 Mei 18 Mei	<ul style="list-style-type: none"> - Lawatan ke Industri- SME-University Internship Programme - Program Keusahawanan Belia - Program Keusahawanan Wanita
Jun	1-3 Jun 22 - 24 Jun	<ul style="list-style-type: none"> - Kursus Kumpulan Sasar Pembangunan Keusahawanan dan Perniagaan KESEDAR dengan Kerjasama ISME, UMK (KS 2 dan KS 3) - Kursus Asas Keusahawanan KESEDAR dengan Kerjasama ISME, UMK Bil. 1/2010
Julai	12 Jul 17 Jul 27 Jul 30 Jul	<ul style="list-style-type: none"> - Perjumpaan dan Taklimat Program SME- University Internship Programme Bersama SME.Corp - Chairman Lecture Series 13 Competitiveness In The Halal Food Industry In Malaysia - Bersama Ceo Adabi Consumer Industries Sdn.Bhd., Y.Bhg. Dato' Syed Mansor B. Syed Mahmood dan Dr. Kassim Buhiron (FASA). - Program Bicara Petang Bersama Usahawan-Pj Bakery - Program Milos dan Realiti (Anjuran Bersama ISME Dengan FTKW) - Isu, Cabaran dan Peluang Dalam Mempromosikan dan Memasarkan Produk Warisan Ke Pasaran Antarabangsa - Bersama Ceo, Noor Arfa Batek Sdn.Bhd., Yang Berusaha En. Wan Mohd. Ariffin b. Wan Long
September	25-26 Sept	<ul style="list-style-type: none"> - Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan 2010 di Kelantan Trade Centre


Bulan	Tarikh	Program
Oktober	27 Okt	- Program Bicara Petang PKS Negeri Kelantan Bersama Pengurus Persatuan Perdasama (Puan Hjh. Aisyah) di Dewan Seminar, SME Corp, Kelantan Trade Centre.
	28 Okt	- Bengkel Asas Membina Laman Web Bagi Usahawan (Promosi Perniagaan) (Makmal Komputer UMK)
	31 Okt	- Bengkel Komunikasi Dan Ketrampilan Usahawan Wanita (BK 5, UMK)
November	-	Tiada aktiviti
Disember	6 Dis 27-29 Dis	- Internship Programme - Presentation Final SME Corp. - Program Techno Marketing (Anjuran bersama ISME UMK dengan Agensi Nuklear Malaysia)

Jadual 7.2: Aktiviti ISME sepanjang Tahun 2010



“If an entrepreneur fails to persuade or convince anyone to buy his or her product, it indicates he or she is lacking in terms of personnel resources. In order to mitigate the risk, entrepreneur needs to acquire substantial knowledge and systematic strategies”

- Dr. Abdul Aziz Azimullah
Founder and Chief Executive Officer (CEO)
Entrepreneurs Development Institute Sdn. Bhd.
Prime Entrepreneurial Lecture Series (PELS)
9 October 2010



PEMBANGUNAN PELAJAR

ATRIBUT GRADUAN UMK (ENTREPRENEURIAL GRADUATES)

AKTIVITI PELAJAR

SYARIKAT SISWA

PENGANTARABANGSAAN SISWA

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

PENAJAAN DAN KEBAJIKAN SISWA/SISWI

PERKHIDMATAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

WARNA-WARNI KEHIDUPAN SISWA/SISWI TAHUN 2010


PEMBANGUNAN PELAJAR



Universiti komited dalam melahirkan graduan usahawan (Enterprising Graduates). Salah satu usaha yang dilaksanakan adalah dengan menetapkan supaya program dan aktiviti pembangunan pelajar yang dianjurkan mampu meningkatkan kemahiran insaniah pelajar serta membentuk Atribut Graduan UMK. Melalui penglibatan pelajar dalam program-program berkenaan, aktif berpersatuan atau kelab, mengambil peluang menimba pengalaman dalam mengusahakan perniagaan di Universiti, penyertaan dalam program pengantarabangsaan, diharapkan hasrat Universiti untuk melahirkan graduan yang berdaya usahawan yang memahami bidang ekonomi keutamaan Negara (National Key Economic Areas, NKEA) dan tuntutan ekonomi abad ke-21 mampu direalisasikan.

ATRIBUT GRADUAN UMK (ENTREPRENEURIAL GRADUATES)

UMK sentiasa memberi penekanan kepada kualiti dan kemahiran insaniah pelajar yang akan bergraduat. Usaha ini selaras dengan Teras Kedua dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang memberi penekanan kepada usaha untuk melahirkan modal insan yang seimbang dan seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara. UMK sebagai Universiti yang berteraskan keusahawanan telah menetapkan sembilan atribut graduan yang berteraskan enterprising sebagaimana Rajah 8.1:



Rajah 8.1 : Atribut Graduan UMK

Sehubungan itu, program dan aktiviti yang dianjurkan untuk pelajar perlu mempunyai nilai-nilai sebagaimana yang telah digariskan dalam Rajah di atas.

Hasrat Universiti dalam melahirkan graduan yang berteraskan keusahawanan (enterprising) adalah selari dengan usaha Kementerian Pengajian Tinggi yang meningkatkan kemahiran insaniah graduan melalui tujuh elemen, iaitu :

- Kemahiran berkomunikasi (CS)
- Pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah (CTPS)
- Kemahiran kerja berpasukan (TS)
- Pembelajaran Berterusan (LL)
- Kemahiran Keusahawanan (KK)
- Etika dan Moral Profesional (EM)
- Kemahiran Kepimpinan (LS);

Bagi mengukur penglibatan pelajar dalam program-program anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Indeks Penglibatan Pelajar telah dibangunkan oleh Universiti. Indeks Penglibatan Pelajar diperolehi hasil formula iaitu bilangan pelajar x bilangan hari program. Didapati kategori keusahawanan dan kepimpinan mencatatkan indeks tertinggi seperti di Jadual 8.2.

Kategori	Indeks Penglibatan Pelajar	Peratus (%)
Keusahawanan	16,270	34.9
Kesukarelawanan	5,388	11.6
Kepimpinan	13,391	28.8
Kebudayaan	2,037	4.4
Sukan & Rekreasi	9,471	20.3
Jumlah	46,557	100

Jadual 8.2 : Indeks Penglibatan Pelajar

Kategori Keusahawanan dan kepimpinan masing-masing mencatatkan 34.9% dan 28.8% daripada kesemua kategori program, yang merangkumi lebih 60% daripada keseluruhan Indeks Penglibatan Pelajar.



AKTIVITI PELAJAR

Pihak Universiti telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2010 dalam usaha memantapkan kemahiran keusahawanan dan juga meningkatkan soft skills pelajar. Kemahiran keusahawanan dan soft skills ini adalah penting terutamanya kepada pelajar perintis UMK yang akan bergraduat pada tahun 2011 dan akan menempuh alam pekerjaan nanti.

PERSATUAN, KELAB DAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR

Dalam tahun 2010, sejumlah lima persatuan dan kelab baru telah ditubuhkan, menjadikan jumlah keseluruhan persatuan/kelab pelajar yang berdaftar di Universiti ialah 33 seperti diringkaskan dalam Jadual 8.3.

Bil.	Kategori Persatuan / Kelab	2009	2010
1.	Keusahawanan	1	1
2.	Kepimpinan	7	9
3.	Sukan & Rekreasi	12	14
4.	Kebudayaan dan Kesenian	1	1
5.	Bahasa	1	1
6.	Badan Beruniform	1	1
7.	Sekretariat	1	2
8.	Fakulti	4	4
Jumlah		28	33

Jadual 8.3: Ringkasan kategori Persatuan/Kelab

AKTIVITI MENGIKUT KATEGORI

Dalam usaha melahirkan modal insan yang seimbang, pelbagai program dan aktiviti telah diadakan sepanjang tahun 2010 bagi meningkatkan kualiti graduan. Program yang dilaksanakan perlu menyumbang kepada pembentukan Atribut Graduan Universiti sebagaimana yang telah ditetapkan. Jadual 8.4 menunjukkan ringkasan aktiviti yang dijalankan mengikut kategori.

Bil.	Kategori	Jumlah Aktiviti
1.	Keusahawanan	9
2.	Kesukarelawanan	18
3.	Latihan & Kepimpinan	20
4.	Kebudayaan	38
5.	Sukan & Rekreasi	45
Jumlah		130

Jadual 8.4: Ringkasan Aktiviti Pelajar Mengikut Kategori

SYARIKAT SISWA

SURUHANJAYA SYARIKAT SISWA UNIVERSITI (SSU) DAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)

Sebagai sebuah Entrepreneurial University yang memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar dalam bidang keusahawanan, para pelajar tahun akhir perlu menubuhkan sebuah syarikat sama ada individu atau berkumpulan.

Sehubungan itu, bagi mempergiatkan lagi aktiviti keusahawanan pelajar, Suruhanjaya Syarikat Siswa Universiti (SSU) telah ditubuhkan dan berfungsi meningkatkan perkhidmatan sebagai pihak berkuasa bagi meluluskan pendaftaran syarikat pelajar, mewujudkan peraturan mengawal selia syarikat pelajar, memberi latihan keusahawanan dan pengurusan syarikat serta perkhidmatan sokongan lain.

Sehingga Disember 2010, terdapat 60 syarikat telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Siswa Universiti (SSU). Daripada jumlah tersebut, 44 syarikat telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Kategori	2009	2010	Pertambahan
Suruhanjaya Syarikat Siswa Universiti	43	60	17 (39.5%)
Suruhanjaya Syarikat Malaysia	36	44	8 (22.2%)

Jadual 8.5: Jumlah syarikat yang berdaftar dengan SSU dan SSM sehingga Disember 2010

PENGANTARABANGSAAN SISWA

Dalam usaha untuk meningkatkan pengantarabangsaan siswa, pihak Universiti telah menganjurkan beberapa lawatan ke luar negara iaitu ke Indonesia, Thailand dan China. Selain itu, dua orang siswa dan siswi UMK iaitu Saudara Muhammad Zulhilmi bin Shaharudin, pelajar tahun 2 dari Fakulti Agro Industri & Sumber Asli (FASA) dan Saudari Kuvinn Mallar A/P Arumugam juga pelajar tahun 2 FASA telah mengikuti program Study in U.S Institute for Student Leader on Global Environmental Issues di Hawaii dan Washington D.C Amerika Syarikat selama lima minggu bermula 23 Mei sehingga 27 Jun 2010. Program tersebut merupakan anjuran East-West Center, Honolulu, Hawaii USA dan Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia. Program lawatan sambil belajar ini adalah hasil penulisan karangan mereka berhubung Isu Persekutaran Global yang dianjurkan oleh East-West Center USA.

Pemimpin Pelajar Universiti juga mendapat peluang pendedahan pada peringkat antarabangsa apabila mereka dilibatkan dalam lawatan ke beberapa buah Universiti di China seperti Beijing Foreign Studies University (BFSU) dan China Agricultural University (CAU). Lawatan ini telah diadakan pada 4 – 12 Disember 2010. Para pemimpin pelajar mengambil peluang ini untuk berbincang dan bertukar idea sesama pemimpin pelajar di universiti berkenaan. Para pemimpin pelajar Universiti yang mengikuti lawatan ini adalah seperti Jadual 8.6 di bawah:

Bil.	Nama Pelajar
1.	Muhammad Luqman Bin Nordin
2.	Mohamad Hafizudin Bin Mohd Nasarudin
3.	Siti Zubaidah Binti Hamzah
4.	Andi Nursyuhada Binti Abdul Kadir
5.	Mohd Faizal Bin Mat Rani
6.	Muhamed Sharizal Bin Sirajudin
7.	Siti Shakirna Chu Binti Mohd Rizal Chu
8.	Mohd Norhaizzat Naim Bin Mohd Mazlan
9.	Zulkifli Bin Mohd Zan
10.	Mohd Kamarul Aripin Bin Kasmori
11.	Mohd Nazri Hanapiah Binti Sudin
12.	Nur Eastiharah Binti Mohmad Hairin
13.	Muhammad Termizi Bin Hasni
14.	Mohd Nor Azhar Bin Juraini
15.	Yazid Bin Othman
16.	Nurul Aida Binti Mohd Ghazlan
17.	Mohd Khairil Hazwan Bin Abdul Haris
18.	Muhammad Azfar Bin Dolmat
19.	Muhammad Nor Bin Nasarudin

Jadual 8.6: Senarai pemimpin pelajar Universiti yang mengikuti lawatan ke China

Program pengantarabangsaan pelajar yang lain juga melibatkan dua (2) orang pelajar iaitu Saudara Sar Muhammad Fadil bin Abd Rahman dari FKP dan Saudari Kasiyah binti Ibrahim dari FASA. Kedua-dua pelajar tersebut telah mengikuti Program Keusahawanan Siswa Malaysia – Indonesia (MALINDO) dari 5 – 19 Disember 2010 bertempat di Universitas Sebelas Maret, Solo, Indonesia dan kawasan perusahaan sekitarnya.

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2010/2011 diberisi oleh sembilan orang pelajar. MPP diketuai oleh Mohd Azfar bin Dolmat sebagai Yang Dipertua MPP dan Mohd Nazri Hanapiyah Sudin sebagai Naib Yang DiPertua. Lima exco telah diwujudkan bagi memantapkan pengurusan dan menjaga kebajikan hal ehwal pelajar. Antaranya adalah Exco Perhubungan Nilai dan Integrasi, Exco Kolej Kediaman, Exco Sukan & Rekreasi, Exco Kebajikan dan Exco Keusahawanan & Hubungan Korporat.

PENAJAAN DAN KEBAJIKAN SISWA/SISWI

Sepanjang tahun 2010, Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) terus menerima sokongan penajaan dalam pelbagai bentuk termasuk penajaan kewangan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), Badan Pencegah Rasuah (BPR), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM), Majlis Kesukarelawanan Universiti Malaysia (MASKUM), Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti Malaysia (MAKMUM) dan pemimpin masyarakat tempatan. Penajaan tersebut telah memberi galakan kepada siswa dan siswi untuk mengadakan pelbagai aktiviti yang lebih menarik di samping dapat meningkatkan kemahiran pengurusan dan kualiti kepimpinan mereka.

Kebajikan mereka dalam aspek saraan pendidikan juga terus terpelihara melalui jalinan kerjasama daripada beberapa agensi luar untuk biasiswa atau tajaan siswa/siswi seperti Permodalan Nasional Berhad, Skim Latihan Tenaga Pengajar (SLTP), Yayasan Tunku Abdul Rahman, Maybank, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Mara, Yayasan Negeri seperti Yayasan Selangor, Yayasan Pahang, Yayasan Negeri Sembilan dan biasiswa dari syarikat-syarikat swasta seperti Kuok Foundation Berhad. Pada tahun ini, seramai 97% siswa dan siswi UMK telah mendapat tajaan dalam bentuk pinjaman dan biasiswa. Daripada 97% siswa dan siswi yang mendapat tajaan, 60% mendapat pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), 20% mendapat tajaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) dan 17% lagi mendapat pinjaman dan tajaan dari lain-lain agensi seperti yang dinyatakan.



PERKHIDMATAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR


Universiti sentiasa berusaha meningkatkan mutu perkhidmatan dan pembangunan pelajar demi keselesaan serta kesejahteraan pelajar. Dalam tahun 2010, bagi meningkatkan perkhidmatan kepada siswa dan sisiwi, UMK telah memberi perkhidmatan melalui dua pusat perkhidmatan seperti berikut :

JABATAN SUKAN, KEBUDAYAAN DAN KO-KURIKULUM

Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Ko-kurikulum (JSKK) adalah penggerak dan penyelaras bagi merancang dan melaksanakan kegiatan sukan, kebudayaan dan ko-kurikulum Universiti. Sebanyak 83 program anjuran JSKK telah dijalankan sepanjang tahun 2010 yang bertujuan mengasah kemahiran insaniah pelajar, membentuk sahsiah dan personaliti pelajar serta meningkatkan kecergasan fizikal pelajar. Walau pun dengan ruang yang terhad, Universiti memberikan penekanan terhadap tahap kecergasan dan kesejahteraan pelajar dengan mewujudkan gimnasium dan studio kebudayaan yang mampu mencungkil bakat pelajar dalam aktiviti sukan dan rekreasi, kesenian dan kebudayaan.

KLINIK KESIHATAN


Unit Kesihatan sentiasa mengutamakan aspek penjagaan kesihatan di kalangan staf dan pelajar UMK. Sejak dengan itu, Unit Kesihatan telah menetapkan misi untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, cekap dan berorientasi-kan pelanggan. Untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya operasi klinik, beberapa peralatan baru telah diperolehi pada tahun 2010. Carta 8.7 menunjukkan taburan pesakit sepanjang tahun 2010 dan Jadual 8.8 menunjukkan jumlah pertambahan kedatangan pesakit tahun 2010 berbanding tahun sebelumnya.




Carta 8.7: Jumlah Keseluruhan Kedatangan Pesakit Mengikut Kategori Tahun 2010

Kategori	2009	2010	Pertambahan
Pelajar	2139	2975	836 (39.10%)
Staf	439	1301	862 (196.36%)
Tanggungan & Lain2	6	86	80 (133.33%)
Jumlah	2584	4362	1778 (68.80%)

Jadual 8.8: Pertambahan Kedatangan Pesakit
Tahun 2010 berbanding Tahun 2009



Carta 8.9: Jumlah kedatangan pesakit secara bulanan sepanjang tahun 2010



KAUNSELING & KERJAYA

Sepanjang tahun 2010, Unit Rundingcara, Kaunseling dan Kerjaya (URKK) telah berjaya melaksanakan semua program yang telah dirancang sejak awal tahun lagi. Secara keseluruhannya sebanyak 20 program yang merangkumi pembangunan diri dan kerjaya telah dilaksanakan kepada pelajar UMK. Kebanyakan program yang dilakukan oleh URKK adalah dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) UMK.


Antara program-program yang telah dijalankan adalah Program Phylo Ilmu dan Program Kaunseling Kelompok PRS Bersama Mahasiswa. Program Phylo Ilmu adalah program mingguan menekankan aspek akademik, iaitu pelajar-pelajar dari kelas terpilih berkumpul dan mereka belajar bersama-sama selama satu jam dan menyediakan peta minda bagi subjek tertentu. Peta minda tersebut dijadikan nota dan dikongsi bersama-sama.

Manakala Program Kaunseling Kelompok Pembimbing Rakan Siswa Bersama Mahasiswa pula diadakan bagi menekankan perkongsian pelajar bersama pelajar dalam aspek sosial dan peningkatan kendiri. Aktiviti ini dilaksanakan secara santai di dalam dan di luar Universiti. Sepanjang tahun 2010, program ini telah diadakan sebanyak empat kali iaitu di La Hot Spring, Jeram Pasu, Bukit Bakar dan di UMK.

Pelajar-pelajar Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMK telah diberi kepercayaan untuk mengendalikan program anjuran Kolej Matrikulasi Kulim. Mereka telah dilantik sebagai fasilitator program pendidikan luar yang diadakan di Tasik Banding, Grik, Perak.

Bagi membantu pelajar yang mendapat keputusan akademik rendah, satu program khas telah diadakan oleh Unit Rundingcara Kaunseling dan Kerjaya yang dinamakan sebagai LEAD : Leadership, Entrepreneurial and Academic Development Program. Hasilnya, 60% pelajar yang menyertai program tersebut telah menunjukkan peningkatan dalam keputusan akademik mereka. Program Creating Solution pula dirangka khas kepada pelajar yang mendapat Anugerah Dekan, yang bertujuan untuk meningkatkan kecemerlangan dalam akademik, meneroka potensi yang terpendam dan memantapkan kemahiran diri.

Sepanjang tahun 2010, sebanyak empat program kerjaya telah diadakan khas untuk pelajar-pelajar tahun akhir Universiti Malaysia Kelantan. Program-program ini merangkumi tatacara menulis resume, tips menghadapi temuduga, keperluan majikan masa kini dan banyak lagi tajuk-tajuk yang merupakan pendedahan awal dan persediaan sebelum pelajar-pelajar perintis UMK bergraduat pada tahun 2011. Sebahagian program tersebut dilaksanakan dengan kerjasama JobMarket Malaysia serta Jabatan Tenaga Kerja yang mempunyai pengalaman yang luas mengendalikan program kerjaya.



Unit Rundingcara, Kaunseling dan Kerjaya (URKK) juga telah melaksanakan beberapa program yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kepimpinan pelajar-pelajar khususnya ahli Kelab Pembimbing Rakan Siswa UMK. Antaranya adalah Program One Team for One Spirit (1T for 1S). Program 1T for 1S telah memupuk semangat kerjasama antara ahli serta menerapkan kemahiran kepimpinan kepada peserta-peserta program tersebut.

Selain itu, seramai 10 orang ahli PRS-UMK telah menyertai Persidangan PRS Kebangsaan yang diadakan di Universiti Islam Antarbangsa Malaysia (UIAM) pada bulan Mei 2010. Hasil persidangan ini telah tercetusnya idea penubuhan Jawatankuasa PRS Kebangsaan dan PRS-UMK telah terpilih untuk mempergerakkan mesyuarat penubuhan jawatankuasa tersebut. Bagi menutup tirai tahun 2010, mesyuarat pertama penubuhan jawatankuasa PRS telah diadakan di UMK pada Disember 2010 dan pengurus pro-tempor jawatankuasa tersebut adalah ahli PRS-UMK.

WARNA-WARNI KEHIDUPAN SISWA/SISWI TAHUN 2010

Sepanjang tahun 2010, pelajar Universiti telah menyertai program-program pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Selain program, siswa/siswi juga menyertai pertandingan-pertandingan yang diadakan sama ada pada peringkat IPT, negara dan antarabangsa.

Antara program dan pertandingan yang disertai ialah seperti berikut :

BERBAKTI KEPADA MASYARAKAT – BAKTISISWA : KOMUNITI PERDANA PEMBANGUNAN INSAN IPT KELANTAN

Program ini merupakan anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMK dengan kerjasama enam buah IPT Kelantan yang terdiri daripada Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kolej Sains & Teknologi (KIST), Politeknik Kota Bharu (PKB) dan Politeknik Jeli dengan penglibatan mahasiswa seramai 187 orang dan 650 penduduk kampung. Antara kampung yang terlibat adalah Kg. Jalan Malaysia, Jeli, Kampung Ipoh, Tanah Merah dan Kampung Bukit Jering, Kuala Balah. Program ini bertujuan untuk membantu masyarakat dalam usaha memperkasakan pendidikan peringkat rendah dan menengah, penyeluran maklumat berkaitan isu-isu semasa dan bantuan khidmat nasihat berkaitan ekonomi untuk golongan usahawan kecil desa di samping memecah tradisi penganjuran program baktisiswa di Kelantan yang melibatkan IPTA dan IPTS. Dalam usaha ini juga, pihak pengajur telah berjaya membawa dimensi baru terhadap penganjuran program berbentuk khidmat komuniti ini kerana telah banyak IPT sekitar Kelantan telah mula menunjukkan komitmen untuk turut terlibat dalam program-program akan datang anjuran UMK yang jelas memberi impak besar kepada masyarakat tempatan dan mahasiswa kampus. Bakti Siswa ini diadakan selaras dengan matlamat Universiti yang ingin melahirkan mahasiswa mesra, endah dan prihatin dengan semangat 1Malaysia.



SETIA KEPADA RAJA DAN NEGARA – KOR SUKSIS

UMK turut berperanan membentuk individu yang mempunyai disiplin, semangat dan jati diri yang kental melalui aktiviti unit beruniform.

Justeru, dalam tahun 2010 keanggotaan Kor Suksis telah bertambah kepada 100 orang lagi menjadikan jumlah keanggotaan 170 orang yang mewakili empat platoon. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti khidmat komuniti, latihan hutan, kursus menembak, kursus etika, kursus I-balon dan lain-lain.

PROGRAM "ENTERPRENASI GUNUNG KINABALU"

Program ini diadakan pada 16 - 21 September 2010 dan peserta terdiri daripada 25 orang pelajar dan tiga pegawai Universiti bertempat di Kota Kinabalu dan Gunung Kinabalu, Sabah. Ekspedisi ini merupakan satu program anjuran Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Ko-kurikulum. Dengan bertemakan "membina modal insan dan menjana kepintaran rohani" bagi menyusuri revolusi dan menterjemah aspirasi negara, ekspedisi ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar Universiti dengan kekuatan mental dan ketahanan diri serta menjulang nama Universiti di puncak Gunung Kinabalu.

Penyerahan bendera sebagai landa perlepasan pendakian telah diadakan pada 30 Ogos 2010 sempena Malam Sambutan Ambang Merdeka. Ekspedisi pendakian ini telah mendapat kerjasama daripada pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS). UMS telah menyediakan sebuah bas sebagai kegunaan para peserta pendakian sepanjang berada di Kota Kinabalu, Sabah. Program ini merupakan program pertama untuk pendakian Gunung Kinabalu, Sabah di bawah kelolaan pelajar dibantu oleh Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Ko-Kurikulum, Universiti Malaysia Kelantan. Walaupun program ini dianggap sebagai percubaan namun menghasilkan kejayaan yang boleh dibanggakan.



ANUGERAH SUKAN MASUM 2009

Anugerah Sukan MASUM 2009 telah diadakan pada 10 April 2010 di Dewan Wawasan 2020, Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP). Dua orang pelajar Universiti telah menerima Anugerah MASUM 2009 iaitu Mohd Ismail Fahmi bin Mohd Mazlan (Kategori Lelaki) dan Nur Andillah binti Shamsudin (Kategori Perempuan). Kedua-dua pelajar ini merupakan atlet dari sukan Taekwondo.

KARNIVAL SUKAN MAHASISWA (KRISMA)

Karnival Sukan Mahasiswa (KRiSMA) telah diadakan dalam kampus UMK dan Sekolah Menengah Sains Tengku Muhammad Faris Petra pada 25 Julai – 30 Ogos 2010. Kira-kira 150 orang pelajar Universiti terlibat dalam karnival tersebut. Terdapat enam jenis sukan yang diperlombakan seperti Bola Jaring, Bola Tampar (L&W), Futsal (L&W), Badminton (L&W), Ping Pong Campuran dan Tenpin Boling (L&W). Karnival sukan ini merupakan acara sukan dalaman yang melibatkan antara fakulti UMK dan kejohanan tahunan yang diadakan oleh Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Ko-Kurikulum (JSKK) kepada pelajar Universiti.

Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) telah dinobatkan sebagai Juara keseluruhan dengan 68 mata, mengalahkan Fakulti Agro dan Sumber Asli (FASA) di tempat kedua dengan 56 mata. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) menduduki tempat keliga dengan 20 mata, manakala Fakulti Perubatan Veterinar tempat keempat dengan 16 mata. Anugerah Khas berjaya digondol oleh FPV iaitu Anugerah Sorakan Terbaik.



PROGRAM LARIAN DAN PESTA INOVASI PERINGKAT UNIVERSITI DAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI NEGERI KELANTAN 2010

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Kelantan dengan kerjasama Jabatan Sukan, Kebudayaan dan Ko-Kurikulum telah menganjurkan Program Larian dan Pesta Inovasi Peringkat Universiti dan Institusi Pengajian Tinggi Negeri Kelantan 2010. Program ini yang merupakan gabungan daripada dua program iaitu Program Larian dan Pesta Inovasi telah diadakan pada 09 Oktober 2010 (Sabtu) bertempat di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Program Larian dan Pesta Inovasi ini dianjurkan selaras dengan inisiatif kerajaan bagi mempromosikan tahun 2010 sebagai Tahun Inovasi.

Sebanyak 86 pasukan menyertai program ini. Mereka terdiri daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dari seluruh negara, pelajar-pelajar sekolah dan sebagainya. Antara Institusi Pengajian Tinggi dan sekolah yang turut serta ialah Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pahang, Masterskill Kota Bharu, Institut Lalihan Perindustrian (ILP), Institut Pendidikan Guru Kota Bharu (IPKB), Sekolah Menengah Dato' Ahmad Maher, Sekolah Menengah Zainab dan lain-lain.

Program Larian dimulakan dengan pelepasan para peserta oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato' Ir. Dr. Zainai bin Mohamed pada jam 8.30 pagi. Dengan trek laluan sepanjang 5.5 km, terdapat tujuh check point disediakan kepada para peserta yang memerlukan peserta menjawab soalan sebelum meneruskan perandingan. Check point 1 (CP1) adalah berkaitan dengan Produk Inovasi. Peserta diminta untuk menyediakan ciptaan inovasi menggunakan peralatan atau barang-barang yang disediakan oleh pihak pengajur. Peserta juga dibenarkan untuk membawa peralatan sendiri. Check point yang lain mengandungi soalan-soalan persekitaran dan brain teaser.

30 kumpulan telah mendapat saguhati berupa hamper makanan bernilai RM100.00. Manakala, 10 tempat teratas menerima wang tunai RM100.00 – RM1,000.00. Hadiah para pemenang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan. Johan, Naib Johan dan tempat ketiga dimenangi oleh peserta dari Universiti Malaysia Kelantan.



PERHIMPUNAN KOR SISWA-SISWI KADET PERTAHANAN AWAM (SISPA)

Perhimpunan Kor SISPA peringkat kebangsaan 2010 merupakan perhimpunan yang pertama kali diadakan. Program dianjurkan oleh pihak Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dengan Kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). Peserta yang telah menyertai perhimpunan ini terdiri daripada anggota Kor Sispa dan pelajar yang mengikuti kursus ko-kurikulum berkredit JPAM di peringkat IPTA/IPTS. Universiti Malaysia Kelantan merupakan salah satu Universiti yang menawarkan kursus berkenaan dan telah menyertai perhimpunan ini. Perhimpunan ini telah diadakan pada 12 hingga 16 Disember 2010 di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor. UMK telah menghantar 26 orang pelajar dan tiga orang pegawai pengiring beserta dua orang jurulatih daripada JPAM yang telah dilantik. Ketua Kontinjen ialah Encik Azman bin Hashim (Ketua Pustakawan). Antara acara yang disertai ialah Kemahiran Menyelamat, Kemahiran Melawan Kebakaran, program derma darah dan Score Race.

Program yang julung kali diadakan ini telah mendapat sambutan yang baik. Sebanyak 13 IPT telah turut serta menjayakan perhimpunan ini termasuk UMK. Ini merupakan satu pendedahan awal kepada semua peserta untuk terus terlibat secara lebih serius dalam program seumpama ini. Program yang berteras kesukar-elawanan seperti yang disasarkan oleh pihak KPT ini memberi ruang dan peluang untuk pelajar lebih aktif serta meningkatkan kemahiran insaniah dalam pembentukan kendiri bagi menghadapi cabaran pada masa hadapan.



PERTANDINGAN UMK IDOL 2010

Pertandingan UMK Idol 2010 telah diadakan di Dewan Kuliah 3 & 4. Pertandingan ini dianjurkan oleh Unit Kebudayaan dan disertai oleh 20 orang pelajar. Pertandingan nyanyian ini bertujuan mencungkil bakat baharu di kalangan pelajar untuk mewakili Universiti dalam pertandingan nyanyian.


BENGKEL MAK YONG 2010

Bengkel Mak Yong 2010 telah diadakan pada 21 – 24 Oktober 2010 bertempat di PCB Resort, Kota Bharu. Bengkel ini disertai oleh 10 buah Universiti dengan penglibatan seramai 120 orang pelajar. Bengkel ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari Tarian Mak Yong.

FESTIVAL MAKUM 2010 (FESIKUM 2010)


Festival MAKUM 2010 telah diadakan di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Arau dan Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dari 15 – 19 Disember 2010 dan disertai oleh seluruh IPTA. Universiti diwakili oleh 63 orang pelajar yang mengambil bahagian dalam Tarian Rampaian Melayu, Dikir Barat, Nyanyian Irama Malaysia, Boria, Akustik dan Tarian India. Universiti telah mendapat tempat ketiga bagi Busana Terbaik Dikir Barat dan Perekka Tari Terbaik Tarian Klasik India.





“Bakal usahawan perlu bijak memilih produk untuk dipasarkan di samping mengenal pasti permintaan pengguna selain membuat kajian berkaitan pasaran terkini”

- Dr. Nik Abdul Aziz Nik Yaacob
Penasihat Penyelidikan dan Pembangunan
Teknikal DSDA Corporation
Program Sesi Hi-Tea bersama Usahawan
27 April 2010



PEMBUDAYAAN NILAI KEUSAHAWANAN

PROGRAM PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN
BERSAMA INDUSTRI

PROGRAM PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN
DI KALANGAN MAHASISWA

PROGRAM PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN
DI UNIVERSITI

PEMBUDAYAAN NILAI KEUSAHAWANAN



Dalam konteks pembudayaan nilai keusahawanan, Universiti terus menggiatkan usaha untuk meningkatkan kualiti pembudayaan keusahawanan di kalangan warganya iaitu staf dan pelajar melalui program, projek dan aktiviti latihan peningkatan nilai kreativiti, kesedaran tentang tanggungjawab dan kesukarelawan serta mengenali peluang baru untuk melakukan perubahan.

Secara umumnya usaha dan inisiatif untuk menerapkan nilai dan kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar UMK bermula pada tahap awal pelajar berada di Universiti dengan mula didedahkan dengan dalam aspek keusahawanan melalui program sokongan pembelajaran (PSP) seperti Chairman Lecture Series (CLS), Prime Entrepreneurial Lecture Series (PELS), lawatan lapangan/lawatan keusahawanan, ceramah Bio Keusahawanan dan Ceramah Mitos & Realiti.

Aktiviti lawatan penting dalam proses pembelajaran kerana ia menyokong ilmu teorikal yang diperoleh dalam bilik kuliah, terutamanya dari segi pelaksanaan seminari, aplikasi teknikal dan peluang yang ada. Sehubungan itu, UMK mengadakan aktiviti lawatan lapangan/lawatan keusahawanan bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran serta memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar.

Bagi mendedahkan pelajar dengan dunia keusahawanan, Universiti telah menganjurkan siri Program Chairman Lecture Series (CLS) dengan menjemput tokoh-tokoh yang berjaya dalam bidang kepimpinan dan perniagaan. Tokoh-tokoh ini tidak semestinya mempunyai latar belakang kepakaran, akademik atau kerjaya yang mengagumkan tetapi boleh juga dipilih dari perseorangan yang berjaya mengusahakan sesuatu perniagaan.

PROGRAM PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN BERSAMA INDUSTRI

Selaras dengan Visi, Misi dan Objektif Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang berteraskan Keusahawanan, beberapa aktiviti/program /tindakan yang mensasarkan matlamat bagi mencapai jalinan dan jaringan kerjasama antara pihak Universiti dengan pihak industri telah dirancang sepanjang tahun 2010.

Kerjasama yang dimaksudkan bukan hanya menerusi program jangka pendek dan jangka panjang tetapi juga merangkumi projek pembinaan Modul Keusahawanan dan latihan pembangunan staf. Program pembudayaan keusahawanan bersama industri bagi tahun 2010 adalah seperti Jadual 9.1.

Bil.	Tarikh	Nama Program / Aktiviti	Nama Syarikat / Agensi Terlibat
1.	6 Feb 2010	Chairman Lecture Series (CLS)	Adabi Consumers Industries Sdn. Bhd.
2.	15 Feb 2010	Konvensyen Dan Karnival Keusahawanan Siswa IPTA Peringkat Nasional Kali Ke 7 (Karniawan)	Usahawan Tempatan
3.	11 Mac 2010	Program Sesi Dialog Bersama Usahawan Bumiputera IKS/ EKS Dan Persatuan Perniagaan Bumiputera Di Negeri Kelantan	MITI, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan, Persatuan Pengilang Negeri Kelantan, Dewan Perniagaan Islam Malaysia Negeri Kelantan, Dewan Usahawan Industri Desa, Koperasi Serbaguna Pembatik Negeri Kelantan Berhad, Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia, PERNIAGAWATI, MATRADE, MPC, MIDA, MIDF, SME Bank, SIRIM, MARA
4.	27 Mac 2010	Chairman Lecture Series (CLS)	Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.
5.	27 Mac 2010	Kajian Sosioekonomi Penanam Tembakau di Malaysia	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara
6.	27 Mac 2010	Pembangunan Projek Akuaponik di Agropolitan Kelantan Selatan	Kristal Prima Resources Sdn. Bhd.
7.	27 Mac 2010	Pembangunan Projek Akuaponik di Agropolitan Kelantan Selatan	Cheroh Aquatic Sdn. Bhd.
8.	29 Mac 2010	Sesi menandatangani MoA	Telekom Malaysia Berhad
9.	3 Mei 2010	Penilai XAD	MaC3-TED
10.	10 Mei 2010	Program Keusahawanan Belia	Jabatan Belia Dan Sukan Negeri Kelantan
11.	16 Mei 2010	Mesyuarat AGE Council Bil.1/2010	CCM, Omega Point Capital, ASWARA, CIMB, Asian Finance Bank, UDA Ocean

Bil.	Tarikh	Nama Program / Aktiviti	Nama Syarikat / Agensi Terlibat
12.	18 Mei 2010	Program Keusahawanan Wanita	Peniagawati (Persatuan Usahawan Wanita Negeri Kelantan)
13.	1 – 3 Jun 2010	Kursus Kumpulan Sasar Pembangunan Keusahawanan Dan Perniagaan Kesedaran	KESEDAR
14.	22 –24 Jun 2010	Kursus Asas Keusahawanan Kesedaran	KESEDAR
15.	17 Jul 2010	Chairman Lecture Series (CLS)	Kumpulan Syarikat Faiza Sdn. Bhd.
16.	27 Jul 2010	Program Bicara Petang Bersama Usahawan	SME. Corp. Negeri Kelantan
17.	27 Ogos 2010	Program Bicara Petang Bersama Usahawan	SME. Corp. Negeri Kelantan
18.	29 Ogos 2010	Mesyuarat AGE Council Bil.2/2010	Chemical Company of Malaysia Berhad, Omega Point Capital Sdn. Bhd., Muslim Best Marketing (M) Sdn. Bhd., Asia Finance Bank Berhad, AJ Craft Sdn. Bhd., Jabatan Perkhidmatan Veterinar, NADICORP Holdings Sdn. Bhd., Wiranda (M) Sdn. Bhd., The Incorporated Society of Planters, Halal Industry Development Corporation (HDC), Kijang Kuari Sdn. Bhd., I.Z Environment Sdn. Bhd., M.H. Mohd. Industries Sdn. Bhd., MobiPay Solution Sdn Bhd, Zull Design Autotronic, CareerXcell Sdn Bhd
19.	6 Dis 2010	Program SME University Internship	Nicque Heritage, Kby Agrotek, Perfect Seven Laundry, CJS Murni Berhad, Shaffaf Cakes and Bakery
20.	28 Dis 2010	Program Techno-Marketing	Agensi Nuklear Malaysia
21.	Semester 1 10/11	Enterprise Saturday	Usahawan Tempatan/Warisan Global Sdn. Bhd.
22.	Sepanjang tahun	Pensyarah Jempulan (Input Industri)	<ul style="list-style-type: none"> • Networker Monavie • Hospital Pakar Perdana Sdn. Bhd. • East Computech System Sdn. Bhd. • Multi Purpose Sdn. Bhd. • NZA Vacation Services Sdn. Bhd. • American International Assurance Bhd. • Hotel Grand Riverview • Sukimi Oil Sdn. Bhd. • MRZ Services & Marketing • Kastam Diraja Malaysia • Puspakom Kota Bharu • Zentrum Future Studies

Bil.	Tarikh	Nama Program / Aktiviti	Nama Syarikat / Agensi Terlibat
23.	Sepanjang tahun	Prime Entrepreneur Lecture Series (PELS)	<ul style="list-style-type: none"> • KMB Educational Services Sdn. Bhd. • Entrepreneurs Development Institute Sdn. Bhd. • Possimo Technologies Sdn. Bhd. • Uda Ocean Supersstore Sdn. Bhd. • Poto Travels & Tours Sdn. Bhd.
24.	Sepanjang tahun	Ceramah Milos & Realiti	<ul style="list-style-type: none"> • Kandis Resource Centre • FA Securities Sdn. Bhd. • Noor Arfa Batek Sdn. Bhd. • Panasonic Manufacturing Malaysia Berhad
25.	Sepanjang tahun	Ceramah BioKeusahawanan	<ul style="list-style-type: none"> • MIDA Negeri Kelantan • Ikhlas Rasmi Malaysia Sdn. Bhd. • Borneo Tourism Institute Malaysia • Jabatan Peranian • Objektif Unggul Sdn. Bhd. • Wiranda (M) Sdn. Bhd. • MU Arowana Akuakultur • Kijang Kuari Sdn. Bhd. • Halal Industry Development Corporation (HDC) • Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)
26.	Jul 2010 – Dis 2010	Kajian Status Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di IPT	Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara
27.	Disember 2010	Kajian Status Penglibatan Belia ECER dalam bidang Pertanian	Institut Pendidikan dan Penyelidikan Belia Negara

Jadual 9.1: Program Pembudayaan Keusahawanan Bersama Industri Bagi Tahun 2010

PROGRAM PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN DI KALANGAN MAHASISWA

Sepanjang tahun 2010, beberapa lagi program penerapan nilai-nilai Keusahawanan bagi tujuan memperkasakan mahasiswa telah diadakan. Program-program ini diadakan dengan kerjasama antara pihak / agensi luar dengan Jabatan / Fakulti. Majoriti program yang dilaksanakan adalah program seliaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMK. Program / aktiviti yang dimaksudkan ini adalah seperti Jadual 9.2.

Bil.	Tarikh	Nama Program / Aktiviti	Anjuran / Kerjasama	Penglibatan Peserta (org)
1.	15-17 Jan	SIFE Malaysia National Training Conference 2010	SIFE Malaysia	2
2.	27 Jan	Program Bersama Usahawan	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan	300
3.	15-18 Feb	KARNIAWAN IPTA Peringkat Nasional 2009 kali ke VII	Universiti Malaysia Kelantan	450
4.	6 Feb	Ceramah Biokeusahawanan Sains Bumi	Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli	200
5.	11-13 Feb	Program kepimpinan Usahawan peringkat Sekolah di Daerah Pengkalan Chepa	Kelab Keusahawanan Mahasiswa	250
6.	27 Feb	Prime Entrepreneur Lecture Series (PELS)	Fakulti Keusahawanandan Perniagaan	270
7.	6-8 Mac	Bengkel Perancangan Strategik MAKMUM	MAKMUM dan KPT	1 peg.
8.	6 Mac	Seminar keusahawanan	Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli	200
9.	11-25 Mac	Minggu Keusahawanan	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan	200
10.	4 Mac	Mesyuarat Agong Koperasi Siswa UMK	Koperasi Siswa UMK	60
11.	21 Jun	Bengkel Persediaan Kumpulan Kajian Perbandingan Keusahawanan Kelantan-Indonesia	Hal Ehwal Pelajar	19
12.	22-26 Jun	Lawatan Kumpulan Kajian Perbandingan Keusahawanan Indonesia-Malaysia	Hal Ehwal Pelajar	19

Bil.	Tarikh	Nama Program / Aktiviti	Anjuran / Kerjasama	Penglibatan Peserta (org)
13.	21 Julai-3 Ogos	Social Enterprise for Economic Development (SEED)	Universiti Malaysia Kelantan	60
14.	23 Ogos	Perasmian Pertandingan Business Plan Competition 2010	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan	250
15.	11 Ogos	Lawatan daripada Entrepreneurial Organisation untuk Global Student Entrepreneur Award	Universiti Malaysia Kelantan	150
16.	16 Ogos	Taklimat Industri Insurans & Takaful	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan	120
17.	19 & 20 Sept	Lawatan Keusahawanan di perusahaan/ usahawan Kelantan	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan	60
18.	9 Okt	Prime Entrepreneur Lecture Series (PELS)	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan	250
19.	16 Okt	Prime Entrepreneur Lecture Series (PELS)	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan	250
20.	24 Okt	Business Plan Competition 2010	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan	50
21.	9 & 10 Okt	Kongres Koperasi Siswa IPTA	MAKMUM & UUM	10
22.	21-23 Okt	Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan	Hal Ehwal Pelajar	450
23.	21-23 Okt	Gerak Usahawan Kampus	Hal Ehwal Pelajar	450
24.	21-23 Okt	Gerak Siswazah Tani	Hal Ehwal Pelajar	450

Jadual 9.2: Program Kerjasama Pihak / Agensi Luar dengan Jabatan / Fakulti

PROGRAM PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN DI UNIVERSITI

Dengan prafrasa rangsangan Universiti Malaysia Kelantan, Entrepreneurship is Our Thrust, beberapa program membudayakan staf dengan konsep, nilai dan teras keusahawanan telah diterapkan sepanjang tahun 2010. Antara program utama fakulti yang menekankan pembudayaan keusahawanan adalah Ceramah Bio-Keusahawanan (FASA), Program Mitos dan Realiti (FTKW), Program Prime Entrepreneurial Lecture Series (PELS), FKP dan Program Chairman Lecture Series (ISME). Maklumat penuh penganjuran program Ceramah Bio-Keusahawanan (FASA) dan Program Mitos dan Realiti (FTKW) boleh dirujuk di Jadual 3.12 dan Jadual 3.13. Selain itu, di samping program utama, UMK juga menjalankan beberapa program sisipan pembudayaan keusahawanan seperti Jadual 9.3..


Bil.	Nama Program / Aktiviti	Tarikh / Tempat
1.	Turning Myth Into Reality: The UMK Experience- Proceedings of the Fourth International Heritage Symposium. A Heritage & Education: A Future Vision	29/3 hingga 1/4/2010 Park Rotana, Abu Dhabi
2.	Program Get Together Series 04 (G2g)	17 Julai 2010 Perdana Resort
3.	Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan 2010 (NCEEE)	25-26 September 2010 Kelantan Trade Centre
4.	Lawatan akademik ke Muzium Sungai Ilembing, Bukit Besi dan Taman Tamadun Islam, Terengganu	23-25 September 2010 Terengganu
5.	Lawatan Akademik ke Gunung Senyum, Kota Gelanggi dan Pos Betau, Sungai Koyan, Pahang	30 September 2010 Pahang
6.	Lawatan delegasi Kerajaan Kelantan ke International Trade Exhibition di Urumqi, Xin Jiang, China	22 Oktober 2010 China
7.	Program XAD Nov '10 Series VI	9 dan 11 Nov. 2010 Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK
8.	Lawatan General Conference International Council of Museum 2010	7-12 November 2010 Shanghai, China
